


PELAN TINDAKAN PELANCONGAN



Shah Alam

20²⁶₃₀



www.mbsa.gov.my



mbsa@mbsa.gov.my



[shahalamcitycouncil](https://www.facebook.com/shahalamcitycouncil)



[sacitycouncil](https://www.instagram.com/sacitycouncil)



[@sacitycouncil](https://twitter.com/sacitycouncil)



[sacitycouncil](https://www.x.com/sacitycouncil)

PELAN TINDAKAN PELANCONGAN SHAH ALAM 2026 - 2030

Kolaborasi Strategik:



اَوْبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PELAN TINDAKAN PELANCONGAN SHAH ALAM 2026 - 2030

Pengarang

Ahmad Fitri Amir (Ketua Editor)
Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Azdel Abdul Aziz


Mohd Noor Ismawi Ismail
Khairun Najiah Ahmad
Mohd Hafidzie Mansor

Penasihat

Shahrin Ahmad
Aziahtul Sakdiah Mustapa

Pereka Grafik

Ahmad Fitri Amir
Mohd Hafidzie Mansor



Cetakan Pertama 2026

© Hakcipta Majlis Bandaraya Shah Alam
Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam apa-apa bentuk cara, sama ada dengan cara eletronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Penerbit

Majlis Bandaraya Shah Alam
Tingkat G, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



SHAH ALAM

3.073281°N 101.518461°E

SELANGOR DARUL EHSAN

Perutusan

Datuk Bandar Shah Alam



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor bukan sahaja dikenali sebagai bandar pendidikan dan perindustrian, tetapi turut mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai destinasi pelancongan bandar yang unggul, berteraskan teknologi pintar, kelestarian dan kehijauan. Menyedari peluang ini, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) komited untuk memperkukuh pembangunan sektor pelancongan yang mampan, inklusif dan berdaya saing.

Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 ini disediakan sebagai panduan strategik untuk membantu semua pemegang taruh merangka inisiatif, menyelaraskan tindakan dan menilai keberhasilan pembangunan pelancongan secara lebih sistematik dan berfokus. Saya yakin pelaksanaan pelan ini akan memacu Shah Alam ke arah ekosistem pelancongan yang lebih mampan, berdaya tahan dan kompetitif.

Usaha ini bukan sahaja memastikan pemeliharaan aset pelancongan, tetapi juga meningkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pelan ini turut menekankan penglibatan aktif komuniti serta penggunaan teknologi dan inovasi digital bagi memperluas keterlihatan Shah Alam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Saya juga berharap agar semua pihak berkepentingan pelancongan Shah Alam dapat memberikan komitmen sepenuhnya serta menyokong pelaksanaan pelan tindakan ini demi memastikan kejayaannya. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan ini, khususnya Jabatan Pembangunan Komuniti MBSA, para perunding, serta rakan-rakan industri pelancongan. Semoga dokumen ini menjadi pemangkin kepada transformasi Shah Alam sebagai sebuah bandar pelancongan bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim
D.S.I.S , S.M.S

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 merupakan langkah strategik MBSA dalam merangka pembangunan pelancongan secara terarah, holistik dan mampan. Dokumen ini merupakan hasil usaha kolaboratif antara Jabatan Pembangunan Komuniti dan warga MBSA, para penyelidik, pemegang taruh, pihak berkepentingan serta komuniti setempat yang sentiasa komited menyumbang kepada masa depan pelancongan bandar ini.

Selaras dengan aspirasi menjadikan Shah Alam sebagai destinasi pelancongan bandar bertaraf dunia, pelan ini menggariskan tujuh Teras Strategik yang merangkumi pembangunan produk pelancongan, peningkatan infrastruktur, keselamatan pelawat, penglibatan komuniti, pengurusan risiko, pemasaran digital serta penggunaan teknologi dan inovasi baharu.

Tumpuan khusus diberikan kepada pelaksanaan inisiatif yang mampan melalui pemeliharaan dan penambahbaikan aset-aset pelancongan sedia ada, berdaya maju melalui pemantapan fasiliti dan penyampaian perkhidmatan yang inovatif, sejahtera melalui penekanan terhadap keselamatan dan kesejahteraan pelancong serta komuniti, dan adaptif terhadap perkembangan serta trend pelancongan digital masa kini.

Diharapkan pelan ini menjadi rujukan utama dalam memperkasa usaha pembangunan pelancongan Shah Alam, sekali gus membuka peluang ekonomi baharu kepada warga Shah Alam. Kami turut menyeru penglibatan aktif semua pihak dalam merealisasikan pelaksanaan pelan ini agar impaknya dapat dirasai secara menyeluruh dan berpanjangan.

Sekian, terima kasih.

Shahrin Ahmad



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

3.078°N 101.521°E





Ringkasan

Eksekutif

Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 (PTPSA 26–30) ialah pelan strategik MBSA untuk memantapkan pembangunan pelancongan bandar secara mampan. Pelan ini dibangunkan berasaskan bukti (*evidence-based*) melalui kajian PPSA 2024, analisis kandungan digital dan sesi libat urus bersama pemegang taruh.

Kajian mendapati Shah Alam mempunyai potensi besar sebagai destinasi pelancongan, namun masih kurang dimanfaatkan akibat cabaran seperti identiti destinasi yang lemah, infrastruktur yang perlu dipertingkatkan, kerjasama pemegang taruh yang terhad dan penggunaan teknologi digital yang minimum.

PTPSA menggariskan **7 Teras Strategik, 20 Pelan Tindakan dan 65 inisiatif** merangkumi pembangunan produk, peningkatan infrastruktur, pengukuhan modal insan, penglibatan komuniti, keselamatan pelancongan, inovasi digital serta pemasaran bersepadu. Pelan ini diselaraskan dengan dasar nasional dan tempatan termasuk National Tourism Policy 2020–2030, Pelan Bandar Pintar Shah Alam 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Pelaksanaan pelan dijangka meningkatkan tadbir urus pelancongan, merangsang ekonomi tempatan, memperkukuh penglibatan komuniti, memperindah persekitaran, dan menambah baik pengalaman pelawat melalui infrastruktur dan teknologi pintar.

Secara keseluruhan, PTPSA 26–30 merupakan komitmen bersama untuk menjadikan Shah Alam sebuah destinasi pelancongan bandar yang berdaya saing, selamat, beridentiti dan mampan.



Wisma MBSA

3.0734° N, 101.5188° E



Profil

MBSA

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ialah pihak berkuasa tempatan yang mentadbir dan membangunkan bandar raya Shah Alam, merangkumi perancangan bandar, penyelenggaraan infrastruktur, pembangunan komuniti dan pengurusan perkhidmatan bandar.

Dalam konteks pelancongan, **MBSA berperanan sebagai Organisasi Pengurusan/Pemasaran Destinasi (DMO)** yang memastikan pembangunan destinasi berlaku secara tersusun, berdaya saing dan selaras dengan identiti bandar.

Sebagai DMO, MBSA memimpin usaha membangunkan produk pelancongan, memperkukuh kemudahan awam, menjaga kebersihan dan keselamatan destinasi, serta melaksanakan promosi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pemegang taruh.

Di bawah MBSA, Jabatan Pembangunan Komuniti, khususnya Unit Pelancongan dan Promosi, berfungsi sebagai tenaga penggerak utama dalam pembangunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030.

Unit ini memainkan peranan penting dalam penyelarasan program, penglibatan komuniti, pembangunan kandungan promosi, penganjuran acara dan memastikan pelaksanaan inisiatif pelancongan berjalan lancar dan memberi manfaat kepada bandar serta masyarakat setempat.



Kandungan

[*Klik untuk akses terus kepada kandungan](#)

Perutusan Datuk Bandar Shah Alam
Prakata Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti
Ringkasan Eksekutif
Profil MBSA
Senarai Inisiatif (IN)
Akronim

PELANCONGAN SHAH ALAM

<input type="checkbox"/> Latar Belakang Bandar Raya Shah Alam	01
<input type="checkbox"/> Dasar, Visi dan Misi Pelancongan Shah Alam	03
<input type="checkbox"/> Produk dan Perkhidmatan Pelancongan	05
<input type="checkbox"/> Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan	09

PROSPEK, ISU DAN CABARAN SEMASA PELANCONGAN SHAH ALAM

<input type="checkbox"/> Rangkuman Kajian Profil Pelancongan Shah Alam 2024	13
<input type="checkbox"/> Dapatan Kajian Analisis Kandungan 2025	15
<input type="checkbox"/> Analisis SWOT Pelancongan Shah Alam	17
<input type="checkbox"/> Matriks TOWS Pelancongan Shah Alam	19

PENGENALAN PELAN TINDAKAN PELANCONGAN SHAH ALAM 2026-2030

<input type="checkbox"/> Kepentingan, Faedah dan Impak	21
<input type="checkbox"/> Pendekatan Penyediaan Pelan Tindakan	23
<input type="checkbox"/> Garis Masa Penyediaan Pelan Tindakan	28

PELAN TINDAKAN PELANCONGAN

■ Teras Strategik	31
■ Penjajaran Misi, Teras Strategik & Pelan Tindakan	32
■ Direktori Pelan Tindakan & Inisiatif	34
TERAS STRATEGIK	37
1 Pembangunan & Penambahbaikan Produk Pelancongan	
TERAS STRATEGIK	48
2 Peningkatan Infrastruktur & Kemudahan Pelancongan	
TERAS STRATEGIK	58
3 Pengembangan Modal Insan & Latihan Pelancongan	
TERAS STRATEGIK	73
4 Penglibatan & Pemberdayaan Komuniti Tempatan	
TERAS STRATEGIK	80
5 Keselamatan & Pengurusan Risiko Pelancongan	
TERAS STRATEGIK	91
6 Inovasi & Teknologi Dalam Pelancongan	
TERAS STRATEGIK	98
7 Pemasaran & Promosi Digital Bersepadu	
■ Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	109
■ Risiko dan Cabaran Pelaksanaan Pelan Tindakan	110
■ Rumusan	111
Penghargaan	

Senarai Inisiatif (IN)

IN	Inisiatif	M/S
1	Identiti Jenama Pelancongan Shah Alam	38
2	Kempen Pengenalan dan Promosi Identiti Jenama	39
3	Pemetaan Tarikan Berasaskan Identiti Jenama	40
4	Pemetaan Produk Pelancongan	41
5	Pemuliharaan Tapak Pelancongan	42
6	Penggunaan Sumber Mesra Alam melalui Kaedah Pemulihan Lestari	43
7	Sistem Pencahayaan Solar	44
8	Program "Pelancongan Mampan" Shah Alam	45
9	Program Kebudayaan Kota Seni Shah Alam	46
10	Program Segmen Pelancongan Shah Alam	47
11	Penambahbaikan Aksesibiliti ke Tapak Pelancongan	49
12	Laluan Pejalan Kaki & Basikal Mesra Pengguna	50
13	Integrasi Navigasi Pelancongan dalam Aplikasi	51
14	Road Map Trail Pelancongan Shah Alam	52
15	Penambahbaikan Kemudahan Asas	53
16	Penyediaan Kemudahan Mesra OKU dan Warga Emas	54
17	Pusat Maklumat Pelancongan Shah Alam (<i>Shah Alam Tourism Information Centre - SATIC</i>)	55
18	Pembangunan Produk Interpretatif	56
19	Kiosk Pelancongan Digital dan Fizikal	57
20	Meningkatkan Kompetensi Asas Tenaga Kerja Pelancongan	59
21	Program Lawatan Industri (Benchmarking Visit)	60
22	Kursus Pelancongan Mampan	61
23	Bengkel Pemasaran Digital dan Media Sosial untuk Pelancongan	62
24	Kursus Pengurusan Tempahan dan Perkhidmatan Secara Digital	63
25	Bengkel Pembangunan Kandungan Visual dan Kreatif Pelancongan	64
26	Program Kerjasama Industri-Akademik	65
27	Program Penempatan Latihan Industri Shah Alam	66
28	Kecemerlangan Penyampaian Berteraskan Digitalisasi, Tadbir Urus Cepak, Berkesan dan Berintegriti	67
29	Pengiktirafan Pelancongan di Peringkat Nasional dan Antarabangsa	68
30	Penggredan <i>Clean Tourist Site</i>	69
31	Anugerah Kebersihan dan Keceriaan Komuniti Kejiranan	70
32	Anugerah Kecemerlangan Modal Insan Pelancongan	71

IN	Inisiatif	M/S
33	Pengiktirafan Tapak dan Produk Pelancongan Mampan (<i>Sustainable Tourism Award</i>)	72
34	Membangunkan Komuniti Pelancongan Shah Alam	74
35	Bengkel Kesedaran dan Peranan Komuniti dalam Pelancongan	75
36	Program Inkubasi Usahawan Pelancongan Komuniti	76
37	Festival Pelancongan Komuniti Shah Alam	77
38	Program Agro-Pelancongan Komuniti	78
39	Pasar Pelancongan Komuniti Shah Alam	79
40	Program Pemantauan dan Audit Keselamatan Pelancongan	81
41	Penyediaan Garis Panduan Keselamatan Pelancongan	82
42	Penanda Lokasi Kesihatan dan Farmasi	83
43	Penilaian Risiko Tahunan Pelancongan Shah Alam	84
44	Latihan Pengurusan Krisis dan Keselamatan Pelancongan	85
45	Latihan Keselamatan dan Bantuan Kecemasan (First Aid) kepada Operator Pelancongan	86
46	Simulasi Kecemasan Pelancongan (<i>Emergency Drill</i>)	87
47	Operasi Keselamatan Bersepadu	88
48	Penubuhan Pasukan Kebersihan dan Kesihatan Pelancongan	89
49	Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV)	90
50	Pembangunan Aplikasi Pelancongan Pintar Shah Alam	92
51	Promosi Digital Aplikasi Pelancongan Shah Alam	93
52	Kandungan Imersif Pelancongan Shah Alam (VR/AR)	94
53	Pusat Pengalaman Digital Shah Alam	95
54	Pembangunan <i>Dashboard</i> Data Pelancongan Shah Alam	96
55	Laporan Analitik Pelancongan Shah Alam	97
56	Hashtag (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam	99
57	Kandungan Promosi Bertema Shah Alam	100
58	Kolaborasi Platform Promosi Digital	101
59	Kempen Hashtag (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam	102
60	Cabaran Media Sosial Shah Alam	103
61	Insentif Kandungan Autentik Pelancong	104
62	Analisis Prestasi Pemasaran Digital Pelancongan Shah Alam	105
63	Pakej Shah Alam <i>Stopover</i>	106
64	Kerjasama Promosi Syarikat Pengangkutan	107
65	Program Duta Pelancongan Shah Alam	108

*Klik untuk akses terus kepada kandungan

Akronim

CBT	Pelancongan Berasaskan Komuniti <i>Community-Based Tourism</i>
FGD	Focus Group Discussion
GBI	<i>Green Building Index Malaysia</i>
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
ILP	Institut Latihan Perindustrian
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IN	Inisiatif
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
IVF	<i>In-Vitro Fertilization</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKNS	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
JKKNS	Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara Selangor
JKR	Jabatan Kerja Raya
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur <i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LRT	Transit Rel Ringan <i>Light Rail Transit</i>
MICE	Jabatan, Agensi dan Syarikat Pengurusan AcaraKementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MOTAC	<i>Ministry of Tourism, Arts and Culture</i> Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MSU	<i>Management & Science University</i>
MYBHA	<i>Malaysia Budget & Business Hotel Association</i>
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NGO	Agensi Bukan Kerajaan <i>Non-Government Agency</i>
NKVE	<i>New Klang Valley Expressway</i>
NTP	<i>Polisi Pelancongan Nasional</i> National Tourism Policy
PADAT	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

PT	Pelan Tindakan
PTPSA26-30	Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030
PPSA 2024	Kajian Penilaian & Pemprofilan Pelancongan Shah Alam 2024
SACC	Pusat Konvensyen Shah Alam Shah Alam Convention Centre
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan <i>Sustainable Development Goals</i>
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TS	Teras Strategik
TSSB	<i>Tourism Selangor Sdn Bhd.</i>
UGC	<i>User-Generated Content</i>
UITM	Universiti Teknologi MARA
UNISEL	Universiti Selangor
UOW	University of Wollongong
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor

Jabatan-Jabatan MBSA


ICT	Jabatan Digital & Teknologi Maklumat
JKAKS/ KAKS	Jabatan Kebersihan Awam & Kelestarian Sisa
JBS	Jabatan Bangunan
JKP	Jabatan Kesihatan Persekutaran
JPB	Jabatan Pengangkutan Bandar
KEJ	Jabatan Kejuruteraan
KES	Jabatan Kesihatan Persekutaran
LSN	Jabatan Pelesenan
KORP	Jabatan Korporat & Perhubungan Awam
LAN	Jabatan Landskap
MPP	Majlis Perwakilan Penduduk
PANTAS	Pasukan Tindakan Segera
PKOM	Jabatan Pembangunan Komuniti
PRCG	Jabatan Perancangan
PRG	Jabatan Perancangan

An aerial photograph of a water park. The central feature is a large, multi-level slide structure with a yellow slide leading into a pool. The park is surrounded by lush greenery, including many palm trees. In the background, there are residential houses with red roofs. The sky is clear and blue. The text 'Pelanc' is overlaid in white on a teal background at the top.

Pelanc


Wet World
Water Park

3.07244° N, 101.512594° E



onggan

SHAH ALAM




Latar Belakang Bandar Raya Shah Alam

Shah Alam merupakan ibu negeri Selangor dan merupakan bandar terancang pertama di Malaysia selepas kemerdekaan.

Pembangunan bandar ini bermula pada tahun 1960-an apabila Selangor memindahkan pusat pentadbirannya dari Kuala Lumpur. Pada 7 Disember 1978, Shah Alam diisytiharkan secara rasmi sebagai ibu negeri dan terus berkembang sebagai pusat pentadbiran, perindustrian dan pendidikan bagi negeri Selangor.

Shah Alam kemudiannya dinaik taraf sebagai bandar raya pada 10 Oktober 2000, seterusnya diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Dengan gabungan kawasan bandar moden, zon perindustrian, institusi pendidikan utama seperti UiTM, serta kawasan hijau seperti Taman Tasik Shah Alam, bandar raya ini berkembang sebagai sebuah bandar yang teratur, selesa didiami dan berpotensi tinggi sebagai destinasi pelancongan bandar.



1963

Pembangunan
Shah Alam
Bermula

1978

7 Dis: Diisytihar
Ibu Negeri
Selangor

1979

1 Jan: Penubuhan
Majlis Perbandaran
Shah Alam (MPSA)



Semenanjung Malaysia
(Malaysia Barat)

Borneo
(Malaysia Timur)



1994

Stadium Shah
Alam Dibuka



1988

Masjid Sultan
Salahuddin Abdul Aziz
Shah Siap Dibina

SHAH ALAM



2000

10 Okt: Diberi status bandar raya
dan MPSA dinaik taraf menjadi
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).



PRO

Keluasan
 $\approx 290.3 \text{ km}^2$

Dibahagikan
kepada 56
Seksyen





DELI

Populasi:
812,327
orang*

Terkenal
sebagai
“bandar
dalam
taman”



Sumber: Data bagi tahun 2022 (Pelan Tindakan Bandar Pintar Shah Alam 2030)



D

Dasar, Visi dan Misi Pelancongan Shah Alam

2026-2030

DASAR



Pernyataan rasmi yang menetapkan prinsip, arah dan keutamaan.

MBSA komited untuk menyediakan **perkhidmatan pelancongan yang cemerlang serta pengalaman yang bermakna** kepada setiap pengunjung dan pelancong.



VISI



Aspirasi jangka panjang dan hala tuju utama.

Menjadikan Shah Alam **destinasi pelancongan bandar unggul dan bertaraf dunia** yang berteraskan teknologi pintar, kemampanan, dan kehijauan.



MISI



Menjelaskan tujuan utama pelan dan bagaimana visi akan direalisasikan.

Membangunkan dan menyediakan perkhidmatan pelancongan terbaik kepada setiap pengunjung dan pelancong di Shah Alam secara **Mampan, Berdaya maju, Sejahtera, dan Adaptif**.





Visi pelancongan Shah Alam disokong oleh empat teras misi yang merangkumi aspek-aspek penting pembangunan pelancongan secara holistik, inklusif dan berkesan.

M

MAMPAN

Memperkukuh kelestarian pelancongan Shah Alam melalui penjenamaan identiti yang kukuh serta pemeliharaan dan pemuliharaan berterusan produk pelancongan.

B

BERDAYA MAJU

Memperkasa pengalaman pelawat melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti serta mesra pelancong.

S

SEJAHTERA

Mengukuhkan kecemerlangan industri pelancongan melalui penglibatan aktif komuniti serta pemantapan aspek keselamatan dan kesejahteraan pelawat.

A

ADAPTIF

Meningkatkan keterlihatan destinasi pelancongan Shah Alam secara dinamik melalui promosi digital inovatif dan kerjasama strategik yang efektif.

Produk dan Perkhidmatan Pelancongan

Shah Alam menawarkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan pelancongan yang menggabungkan tarikan moden, aset semula jadi, rekreasi keluarga, budaya kontemporari dan gaya hidup urban.

PRODUK PELANCONGAN UTAMA



Tarikan Ikonik dan Seni Bina

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Biru) merupakan mercu tanda paling penting dan ikon pelancongan Shah Alam. Seni bina moden yang berteraskan budaya Islamik menjadikannya tarikan utama bagi pelancongan agama, fotografi, dan aktiviti komuniti.



Alam Semula Jadi dan Rekreasi

Taman Tasik Shah Alam, laluan pejalan kaki dan Taman Botani Negara Shah Alam menyediakan ruang rekreasi keluarga dan aktiviti hijau. Selain itu, kawasan komuniti moden seperti Eco Ardence, Bukit Jelutong dan Elmina menawarkan taman hijau, tasik buatan dan laluan riadah yang tersusun indah



Hiburan dan Rekreasi Keluarga

Shah Alam menempatkan tarikan moden seperti i-City, City Karting, Wet World dan aktiviti sukan bandar. Produk ini penting untuk segmen keluarga, belia dan pelancong tempatan, serta berpotensi menjadi daya tarikan utama jika diperkasakan melalui program malam, pemasaran digital dan integrasi acara.



Seni, Budaya dan Kreatif

Shah Alam tidak mempunyai warisan tapak sejarah lama, namun memiliki warisan budaya moden, Islamik dan komuniti yang membentuk identiti uniknya. Elemen seperti seni kreatif, festival budaya, kraftangan serta inisiatif “Kota Seni Shah Alam” menjadikan bandar ini berpotensi sebagai pusat seni moden peringkat negeri.



Makanan & Gastronomi

Kafe, restoran Halal, makanan tempatan dan lokasi gaya hidup merupakan faktor penarik pelancong domestik dan anak muda. Potensi pembangunan termasuk Food Trail, Festival Makanan dan direktori Halal.



Beli-Belah & Gaya Hidup

Pusat beli-belah seperti SACC, Central i-City, Plaza Shah Alam, Elmina Lakeside Mall dan AEON menjadi tumpuan pengunjung. Tarikan gaya hidup ini melengkapi produk pelancongan lain, terutama bagi pelancong keluarga dan pengunjung acara.





Bulatan Kayangan



3.07404° N, 101.53331° E

PERKHIDMATAN PELANCONGAN

Penginapan

Shah Alam menawarkan pelbagai pilihan penginapan yang memenuhi keperluan pelawat daripada segmen premium hingga bajet. Hotel antarabangsa seperti DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City, Mardhiyyah Hotel & Suites, dan Glenmarie Hotel & Golf Resort menyediakan kemudahan bertaraf tinggi untuk pelancong perniagaan, keluarga dan peserta acara. Selain itu, terdapat rangkaian hotel bajet dan butik seperti Acappella Suite Hotel, Best Western i-City, dan hotel-hotel bajet sekitar Seksyen 7, Seksyen 13 dan seksyen perniagaan utama yang menjadi pilihan pelajar, keluarga dan pelawat acara.

Pengangkutan dan Mobiliti

Shah Alam menyediakan pelbagai pilihan mobiliti pelancong melalui perkhidmatan e-hailing, taksi berdaftar dan rangkaian Bas Smart Selangor yang menghubungkan kawasan utama serta tarikan pelancongan. Bandar ini juga bakal diperkasakan dengan LRT Shah Alam Line (LRT3) yang akan memudahkan akses rentas bandar. Selain itu, laluan basikal dan pejalan kaki di Taman Tasik Shah Alam dan kawasan komuniti moden seperti Elmina turut menyokong pergerakan riadah yang selesa.



Perkhidmatan Kesihatan dan Pelancongan Perubatan

Shah Alam mempunyai banyak hospital dan pusat kesihatan berkualiti yang menyokong potensi pelancongan perubatan, termasuk rawatan IVF, pemulihan dan wellness. Antara kemudahan utama ialah Hospital Shah Alam, Avisena Specialist Hospital, KPJ Selangor Specialist Hospital, serta pusat rawatan khusus seperti TMC Fertility dan pusat fisioterapi serta wellness di sekitar bandar.



Makanan & Minuman

Bandar ini menawarkan rangkaian restoran, kafe dan kedai makan popular yang sering menjadi tumpuan pelawat seperti Restoran Mohd Chan, Laman Grill, Homst Shah Alam, Jibby by the Park, Ateh Corner Seksyen 13, serta kafe moden seperti Brew N Bread, Bukku Café dan KOPIMEO..



Perkhidmatan Agensi Pelancongan

Agensi pelancongan di Shah Alam berfungsi sebagai saluran penting yang menghubungkan pelancong dengan pembekal perkhidmatan melalui pengurusan tempahan, visa, pengangkutan dan penyusunan perjalanan. Mereka menawarkan pakej pelancongan domestik serta pakej *inbound* untuk pelancong luar yang mahu melawat tarikan di Shah Alam.

Acara & MICE

Acara berprofil tinggi seperti konsert, festival makanan, maraton dan pameran konvensyen menjadi pemangkin utama permintaan pelancongan di Shah Alam. Pusat pameran seperti pusat konvensyen SACC, MBSA Convention Centre, dan ruang acara di hotel menyediakan kemudahan lengkap bagi acara korporat, persidangan dan pameran, sekali gus mengukuhkan kedudukan Shah Alam sebagai destinasi MICE yang strategik.

PETA PELANCONGAN

Shah Alam




Setia City Mall



Perpustakaan Raja Tun Uda



Wet World Water Parks



Theme Park i-City

SnoWalk by i-City

Taman Botani Negara Shah Alam

Central i-City



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



Pasar Malam Setia Alam

Taman Tasik Shah Alam



Kompleks PKNS

Aeon Mall Shah Alam



*Peta pelancongan ini adalah ilustrasi semata-mata dan tidak mewakili lokasi sebenar tempat-tempat ini di Shah Alam.



Tarikan pelancongan Shah Alam yang popular berdasarkan kaji selidik pelancong 2024 dan data *Tripadvisor*.



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Masjid ini dirasmikan pada tahun 1988 dan menjadi simbol identiti Islam Selangor, dengan salah satu kubah biru terbesar di dunia.



Theme Park i-City

Terkenal sebagai "City of Digital Lights" dengan lebih 1 juta lampu LED berwarna-warni pada waktu malam, i-City menawarkan gabungan teknologi, hiburan dan rekreasi dalam satu destinasi.



Setia City Mall

Salah satu pusat beli-belah utama dengan lebih 250 kedai, serta diiktiraf kerana reka bentuk mampan yang menekankan penggunaan tenaga cekap dan sistem pengurusan hijau.



Taman Botani Negara Shah Alam

Taman botani pertama dan terbesar di Malaysia sejak 1986, meliputi lebih 800 hektar dan dikelilingi hutan semula jadi yang kaya dengan biodiversiti.



Taman Tasik Shah Alam

Taman rekreasi pertama yang dibangunkan di Shah Alam dan direka oleh arkitek landskap terkenal dari Jepun, Fumiaki Takano.



SnowWalk by i-City

Merupakan taman salji tertutup pertama di Malaysia dengan suhu serendah -8°C , menampilkan lebih 100 patung ais bersaiz sebenar dan pelbagai struktur ais buatan.




Pasar Malam Setia Alam

Salah satu pasar malam terbesar di Selangor dengan lebih 500 gerai, beroperasi setiap Sabtu malam dan popular dengan pelbagai street food termasuk menu viral.



Perpustakaan Raja Tun Uda

Merupakan perpustakaan awam moden di Selangor yang berkonsepkan 'library in a park', lengkap dengan ruang interaktif, fasiliti digital, dan pemandangan tasik yang ikonik.



Wet World Water Parks

Taman tema air tertua di Selangor sejak 1996, yang mesra keluarga dengan harga berpatutan dan tarikan popular seperti Monsoon Buster, Super Hurricane, dan Thunder River.



Aeon Mall Shah Alam

Reka bentuk berinspirasi budaya Melayu (Bugis, Minang, Jawa, Banjar dan Riau), pusat beli-belah pertama di Malaysia yang mengangkat konsep seni warisan dalam keseluruhan interiornya.



Central i-City

Dihubungkan dengan stesen LRT3, menampilkan konsep gaya hidup moden dengan anchor seperti Sogo, Village Grocer dan TGV, serta menjadi hab hiburan utama di i-City.



Kompleks PKNS

Pusat beli-belah terawal di Shah Alam sejak 1987, lokasi tumpuan untuk busana Melayu, tudung, baju kurung dan pakaian tradisional. mercu komersial pertama yang membentuk identiti awal bandar ini.

Pemegang Taruh, Rakan Strategik & Pelanggan

Pemegang Taruh Utama



Pemimpin utama pelancongan shah Alam.
Mengurus dasar, infrastruktur, kebersihan, promosi
dan penyelarasan pembangunan destinasi.

Agensi Kerajaan & Persekutuan:



PLANMalaysia

Menyokong dari aspek dasar, promosi,
keselamatan, pembangunan produk dan
teknikal.



Industri Pelancongan Shah Alam

Menyediakan produk,
perkhidmatan dan pengalaman
pelawat yang secara langsung
membentuk imej serta daya saing
Shah Alam, di samping
menyokong usaha promosi,
pembangunan produk,
keselamatan, inovasi digital dan
penyediaan data pelancongan



unisel
UNIVERSITI SELANGOR



Institusi Akademik
Awam & Swasta

Menyumbang
penyelidikan, latihan
bakat, inovasi dan
edu-pelancongan.



Komuniti Setempat

Penyumbang utama identiti
budaya, produk pelancongan
berasaskan komuniti dan hos
destinasi yang memberikan layanan
mesra kepada pelancong.

Rakan Strategik

Tourism Selangor & Tourism Malaysia
Promosi domestik/antarabangsa dan kempen digital.

Sektor Swasta

Acara mega, tarikan baharu, pusat beli-belah, kolaborasi pakej pelancongan Shah Alam.

NGO & Persatuan Industri

MYBHA, Tourist Guides Association: Standard perkhidmatan dan latihan.

Agensi Keselamatan & Kesihatan

PDRM, JKN Selangor: pemantauan keselamatan dan kesihatan tapak.

Pelanggan Sasaran

Pelancong Domestik

Keluarga, pengunjung acara, belia gaya hidup.

Pelancong Muslim Antarabangsa

Segmen utama yang tertarik kepada produk pelancongan Islamik.

Belia & Digital Natives


ertarik kepada gastronomi, gaya hidup, konten media sosial.

Pelancong Transit KLIA/Subang/Cruise

Berpotensi melalui pakej "Shah Alam Stopover".

Pasaran Niche

Edu-pelancongan, pelancongan berasaskan komuniti, perubatan, sukan dan budaya.



Pelaksanaan dan kejayaan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 bertunjangkan **kerjasama pelbagai pihak** yang memainkan peranan signifikan dalam pembangunan pelancongan bandar raya Shah Alam.



Prospek, Isu

Pelancungan Shah Alam



& Cabaran




Taman Tasik
Shah Alam

3.09900° N, 101.51417° E

Rangkuman Kajian

Profil Pelancongan Shah Alam 2024

Bagi penyediaan plan tindakan ini, satu **Kajian Penilaian dan Pemprofilan Pelancongan Shah Alam (PPSA) 2024** yang komprehensif telah dilaksanakan dari Jun hingga Disember 2024.



Kajian ini merangkumi keseluruhan komponen utama pelancongan Shah Alam melalui kaedah **FGD** bersama pemegang taruh utama (perspektif pembekal dan pengendali), **Kaji Selidik Pelancongan** Shah Alam (perspektif pelawat dan pelanggan), serta **Kajian Aset Pelancongan** (sumber dan tarikan pelancongan).



Laporan penuh PPSA 2024 telah diterbitkan di laman web MBSA dan boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR ini.


Dapatan kajian PPSA 2024 menunjukkan bahawa pelancongan Shah Alam berada pada landasan yang positif, namun potensinya masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Secara keseluruhan, isu dan cabaran utama pelancongan Shah Alam adalah seperti berikut:



Dapatan Kajian

Analisis Kandungan 2025

Bagi memahami senario digital pelancongan Shah Alam, satu **Kajian Analisis Kandungan Digital dan Tripadvisor** telah dilaksanakan pada Oktober 2025. Kajian ini meneliti kandungan daripada platform media sosial utama seperti Facebook, Instagram dan TikTok, serta ulasan pengguna di Tripadvisor. Melalui penggunaan fungsi carian dan hashtag (#ShahAlam), semua kandungan yang berkaitan dikumpulkan dan dianalisis bagi menilai naratif, persepsi dan tahap keterlibatan digital terhadap destinasi.



Laporan khas ini akan diterbitkan di laman web rasmi MBSA.

DAPATAN UTAMA

Pembangunan Naratif Digital Shah Alam

Imej digital Shah Alam lebih tertumpu pada tema gastronomi dan gaya hidup bandar.

Galakan Kandungan Asli Pelawat (UGC)

Kebanyakan kandungan dijana oleh pengengaruh dan perniagaan, bukan dari pelancong sebenar berkongsi pengalaman lawatan mereka.

Penyelarasan Strategi Promosi Merentas Platform

Setiap platform perlu dimanfaatkan mengikut kekuatannya

Pemeriksaan Reputasi dan Prestasi Digital

Disaran membangunkan Dashboard Reputasi Digital bagi menilai sentimen, capaian dan keberkesanan kempen digital melalui KPI.

Analisis SWOT

S

Strengths
Kekuatan

- Aset pelancongan yang pelbagai serta tarikan ikonik seperti Masjid Biru dan i-City.
- Pelancong mempunyai penilaian dan persepsi yang sangat baik.
- Berhampiran dengan rangkaian lebuh raya utama seperti Lebuhraya Persekutuan dan NKVE.
- Lokasi strategik, tidak jauh dari KLIA dan Lapangan Terbang Subang.




- Identiti dan penjenamaan destinasi masih lemah.
- Kekurangan strategi promosi yang jelas dan berkesan.
- Kolaborasi antara pemegang taruh pelancongan masih lemah.
- Perancangan pelancongan didapati lebih bersifat ad hoc dan kurang teratur.
- Infrastruktur serta penyelenggaraan tidak disusun dengan baik.

W

Kelemahan
Weaknesses


Berdasarkan Kajian PPSA, analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman (SWOT) telah diambil kira dalam pembangunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030.

Opportunities
Peluang



- Memperkasa promosi digital dan merangsang inovasi produk pelancongan baharu.
- Permintaan dan potensi pasaran niche yang selari dengan imej Shah Alam serta berupaya menarik pelancong transit.
- Peluang untuk memperkukuh kerjasama antara MBSA dan pemegang taruh utama pelancongan lain.

- Destinasi bandar berhampiran yang mempunyai kekuatan tersendiri.
- Imej “trafik sesak” dan isu kebersihan di kawasan tarikan pelancongan.
- Kekurangan dasar pembangunan pelancongan yang strategik.
- Kekurangan bajet atau geran kewangan untuk pembangunan pelancongan.



Ancaman
Threats



Matriks TOWS

Strategi SO (Strengths–Opportunities)

Menggunakan kekuatan untuk memanfaatkan peluang.

- Membangunkan jenama pelancongan Shah Alam yang menonjolkan kekuatan imej bandar hijau dan suasana ketenangan.
- Menyediakan pakej transit KLIA/Subang yang sesuai bagi lawatan singkat ke tapak ikonik seperti Masjid Biru dan i-City.
- Memperhebat promosi digital bersepadu dengan fokus pada zon pelancongan utama berasaskan kekuatan aset dan sumber pelancongan.
- Memperkukuh keterlihatan di platform digital untuk promosi, penyampaian maklumat dan penghasilan kandungan UGC pelancong.

Strategi WO (Weaknesses–Opportunities)

Mengatasi kelemahan dengan peluang yang ada.

- Merangka *Blueprint* Penjenamaan Shah Alam bagi mengatasi isu identiti yang lemah serta memastikan promosi lebih tersusun dan berkesan.
- Menubuhkan program kolaborasi strategik antara MBSA dan pemegang taruh utama pelancongan melalui platform seperti *Shah Alam Tourism Alliance* bagi menyelaras kerjasama MBSA–Tourism Selangor–industri.
- Membangunkan produk niche seperti pelancongan Islamik, keluarga, transit dan rekreasi malam untuk memperkukuh daya tarikan Shah Alam.

Matriks TOWS ialah alat perancangan strategik yang menggabungkan dapatan SWOT untuk menghasilkan strategi tindakan yang lebih berfokus.

Strategi ST (Strengths–Threats)

Menggunakan kekuatan untuk mengurangkan ancaman.

- Menonjolkan *unique selling point* pelancongan Shah Alam yang membezakan bandar ini daripada KL dan Putrajaya melalui penjenamaan sebagai “bandar hijau, dan mesra keluarga”.
- Melaksanakan transformasi dan perancangan penyelenggaraan yang tersusun bagi memastikan kebersihan serta aksesibiliti pelancong di lokasi tarikan utama.
- Meneroka sumber pembiayaan alternatif melalui kerjasama strategik dengan syarikat pelancongan dan jenama ikonik menerusi inisiatif promosi yang memberikan manfaat bersama (*win-win situation*).

Strategi WT (Weaknesses–Threats)

Mengurangkan kelemahan dan mengelakkan ancaman.

- Mewujudkan Dasar Pelancongan Shah Alam bagi memastikan setiap pembangunan pelancongan dirancang secara teratur, berfasa dan tidak lagi bersifat ad-hoc.
- Menyediakan mekanisme pembiayaan pelancongan yang lebih mampan seperti geran pembangunan, kerjasama awam–swasta (PPP) dan dana khas bagi mengatasi kekangan bajet.
- Memperkukuh penyelenggaraan aset pelancongan melalui sistem penyelenggaraan berjadual dan platform laporan digital bagi memastikan tindakan pantas terhadap isu kebersihan, kerosakan dan pengalaman pelawat.

PENGENALAN

PELAN TINDAKAN PELANCONGAN 2026

SHAH ALAM 2030





Elmina Urban Park

3.18080° N, 101.51155° E

KEPENTINGAN

FAEDAH DAN IMPAK

Pelaksanaan PTPSA 26–30 dijangka memberi impak besar kepada pembangunan pelancongan bandar raya Shah Alam, antaranya: PTPSA 26-30 dijangka memberi impak besar kepada bandar raya Shah Alam, antaranya:

01

Menyusun Arah Strategik dan Penyelarasan Pembangunan Pelancongan Bandar

Memberikan hala tuju yang jelas dan tersusun, memastikan semua program pelancongan diselaraskan merentasi jabatan, agensi dan pemegang taruh untuk pelaksanaan yang lebih berfokus, berkesan dan mudah dipantau.

02

Memperkukuh Sumbangan Pelancongan terhadap Ekonomi dan Kesejahteraan Bandar

Pelan ini merangsang ekonomi melalui peningkatan pelawat, aktiviti industri dan peluang pekerjaan, di samping memperbaiki kemudahan, persekitaran dan kualiti hidup penduduk Shah Alam.

03

Menjamin Kelestarian, Inovasi Digital dan Daya Tahan Masa Hadapan

Mengutamakan pembangunan pelancongan yang lestari melalui pemuliharaan aset, amalan hijau dan pengurusan bertanggungjawab. Inovasi digital seperti aplikasi pintar, analitik data dan kandungan interaktif turut diperkasa bagi meningkatkan pengalaman pelawat dan memastikan Shah Alam kekal berdaya tahan serta relevan dalam jangka panjang.





MBSA (Pihak Berkuasa Tempatan)

Memberi MBSA rangka kerja strategik dan panduan pelaksanaan yang jelas untuk merancang, menyelaraskan dan memantau inisiatif pelancongan bandar secara sistematik.



Industri Pelancongan Shah Alam

Mewujudkan ekosistem pelancongan yang lebih dinamik dan berdaya saing, sekaligus meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam industri tempatan.



Komuniti Tempatan

Menggalakkan penglibatan komuniti dan memperkukuh rasa kepemilikan (sense of pride & belonging) dan meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup komuniti



Pelancong & Pelawat

Meningkatkan kualiti pengalaman pelawat melalui infrastruktur yang lebih baik, maklumat digital yang mudah diakses, serta produk pelancongan yang pelbagai dan selamat.



Alam Sekitar dan Infrastruktur

Memperkukuh kelestarian alam sekitar melalui pengurusan yang cekap, inisiatif hijau dan amalan pelancongan mampan dan seterusnya meningkatkan tahap kebersihan, keindahan dan menambah baik infrastruktur pelancongan.



PENDEKATAN

PENYEDIAAN PELAN


TINDAKAN

Pembangunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 diselaraskan dengan mengambil kira kesemua komponen penting pemegang taruh pelancongan shah Alam dan dasar-dasar pembangunan berkaitan di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa. :



Model VICE (Climpson, 2008)

Model VICE ialah kerangka pembangunan destinasi yang menekankan keseimbangan antara empat komponen utama: *Visitors* (pelawat), *Industry* (industri), *Community* (komuniti) dan *Environment* (alam sekitar).



Strategi Transformasi



Strategi Bandar Pintar



SDG





Model ini menegaskan bahawa kejayaan destinasi pelancongan bergantung pada keupayaan mengurus pengalaman pelawat secara berkualiti, menyokong pertumbuhan industri secara beretika, memastikan manfaat kepada komuniti setempat, serta memelihara kelestarian alam sekitar. Pendekatan ini membolehkan destinasi mencapai pembangunan pelancongan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan. PTPSA 26–30 menyokong matlamat ini dengan:

- V Pelancong & Pelawat (VISITOR)**
Meningkatkan kualiti pengalaman pelawat, termasuk kemudahan yang lebih baik, aksesibiliti yang dipertingkatkan, serta maklumat dan promosi pelancongan yang lebih jelas dan mudah diakses.
- I Industri Pelancongan (INDUSTRY)**
Menyediakan hala tuju strategik, latihan, pembangunan kapasiti dan peluang kerjasama bagi memastikan pemain industri lebih kompetitif, berpengetahuan dan mampu menawarkan produk berkualiti.
- C Komuniti Setempat (COMMUNITY)**
Menekankan penglibatan komuniti sebagai rakan pembangunan, memastikan mereka menerima manfaat ekonomi dan sosial melalui pelancongan, selain memperkasa produk berasaskan komuniti.
- E Alam Sekitar / Persekitaran (ENVIRONMENT)**
Perlindungan aset semula jadi, pemuliharaan kawasan hijau, pengurusan tapak yang bertanggungjawab dan penggunaan amalan hijau untuk memastikan pembangunan pelancongan tidak menjejaskan alam sekitar.



Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 (National Tourism Policy, NTP) ialah kerangka strategik nasional yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi memperkukuh daya saing industri pelancongan negara. Dasar ini menekankan pembangunan pelancongan yang mampan, inklusif dan berasaskan teknologi, dengan memberi tumpuan kepada enam teras strategik. NTP 2020–2030 digubal untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan global melalui pendekatan yang responsif, berdaya tahan dan selaras dengan perubahan trend serta cabaran masa hadapan.

PTPSA 26–30 turut menyokong secara langsung empat teras strategik NTP, iaitu:



01
Strengthen
Governance
Capacity

Memperkukuh Tadbir Urus dan Transformasi Institusi Pelancongan

Mewujudkan mekanisme pemantauan prestasi pelancongan melalui data dan KPI tahunan.



03
Embrace
Smart Tourism

Pendigitalan Ekosistem Pelancongan

Galakan penggunaan teknologi pintar dan penggunaan data analitik dan kandungan UGC



06
Upskill Human
Capital

Memperkasa Komuniti dan Industri Tempatan

Fokus pada pelancongan berasaskan komuniti (CBT) dan menjana peluang pekerjaan



05
Practise Sustainable
and Responsible
Tourism

Kelestarian dan Daya Tahan Pelancongan

Menekankan pelancongan mampan dan penerapan prinsip 'destination resilience'.

Pelan Tindakan Bandar Pintar Shah Alam 2030 ialah kerangka pembangunan bandar yang disediakan oleh MBSA bagi mentransformasikan Shah Alam menjadi sebuah bandar pintar yang berdaya huni, selamat, cekap dan mampan menjelang tahun 2030.

Pelan ini merangkumi tujuh teras yang menekankan penggunaan teknologi pintar, pendigitalan perkhidmatan bandar, peningkatan infrastruktur, pengurusan data dan penglibatan komuniti bagi memperkukuh kualiti hidup penduduk serta daya saing bandar.

Dokumen ini berperanan sebagai panduan penting untuk memastikan pembangunan Shah Alam kekal terancang, responsif dan sejajar dengan keperluan masa hadapan.



PTPSA 2026–2030 turut selari dengan empat teras utama dalam pelan ini.



Strategi 1

Citizen-Centric Smart City

Menekankan penglibatan komuniti dalam perancangan dan promosi pelancongan.



Strategi 2

Data-Driven Decision Making

Mencadangkan keputusan berasaskan bukti (evidence-based tourism management).



Strategi 4

Inovasi dan Keusahawanan

Menyokong ekosistem inovasi pelancongan digital dan produk baharu serta memperkasa usahawan pelancongan tempatan.




Strategi 5

Kerjasama dan Kolaborasi

Menggalakkan perkongsian strategik dan projek bersama (*co-creation*) dengan universiti, agensi kerajaan, industri dan komuniti.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Sustainable Development Goals (SDGs) ialah rangka kerja global pembangunan mampan yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), merangkumi 17 matlamat utama untuk mencapai kesejahteraan ekonomi, sosial dan alam sekitar menjelang tahun 2030. SDGs menekankan prinsip kelestarian, inklusiviti dan kerjasama antara semua pihak bagi memastikan pembangunan berlaku secara seimbang tanpa menjejaskan generasi masa hadapan. Dalam konteks perancangan bandar dan pelancongan, SDGs menjadi panduan penting untuk mengurusperdanakan aspek seperti bandar dan komuniti lestari, inovasi dan infrastruktur, penggunaan bertanggungjawab serta kerjasama strategik. PTPSA 26–30 menyokong lima matlamat ini secara langsung.



SDG 8

Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi

Memperkukuh ekonomi pelancongan tempatan melalui peningkatan keusahawanan, penciptaan pekerjaan dan sokongan terhadap industri kreatif.



SDG 12

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

Menekankan pelaksanaan pelancongan mampan yang mengutamakan pemuliharaan alam sekitar, pengurusan sisa dan amalan hijau dalam industri pelancongan.



SDG 9

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

Menggalakkan inovasi digital dan pembangunan infrastruktur pelancongan pintar untuk meningkatkan daya tarikan destinasi dan kecekapan pengurusan.



SDG 17

Perkongsian untuk Matlamat

Memerlukan kerjasama antara kerajaan tempatan, agensi pelancongan, institusi pendidikan, sektor swasta dan komuniti.



SDG 11

Bandar dan Komuniti Lestari

Menyokong pembangunan bandar pelancongan yang seimbang, selamat dan inklusif dengan mengekalkan identiti Shah Alam sebagai bandar hijau dan berbudaya.



Taman Tasik Shah Alam

3.09900° N, 101.51417° E

GARIS MASA

PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN



Persediaan Kajian
Penilaian dan
Pemprofilan
Pelancongan Shah Alam
(PPSA 2024)

JUN
2024



Kajian PPSA 2024:
Kajian Aset
Pelancongan Shah Alam

SEPT
2024



Kajian PPSA 2024:
Focus Group Discussion
(FGD)

OKT
2024



**PELANCARAN
PTPSA 26-30**

DIS
2025

PTPSA 26-30:
Penghantaran
Dokumen Lengkap



PTPSA 26-30:
Sesi Pembentangan &
Libat Urus Bersama
Pemegang Taruh
Pelancongan

NOV
2025



PTPSA 26-30:
Kajian Analisis
Kandungan Digital &
Tripadvisor:
Pelancongan Shah Alam

OKT
2025



Sesi Pembentangan & Libat Urus PTPSA 26-30





Sesi perbincangan berkala dan pemurniaan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 antara pihak penyelidik dan warga MBSA.



Kajian PPSA 2024:
Kajiselidik
Pelancongan




Kajian PPSA 2024:
Pengantaran Laporan
Penuh



Kajian PPSA 2024:
Pembentangan
bersama warga MBSA



Persediaan
Pembangunan Pelan
Tindakan Pelancongan
Shah Alam 2026-2030
(PTPSA 26-30)



Kajian PPSA 2024:
Penerbitan di laman
web MBSA



Sesi Pembentangan Kajian PPSA 2024



Sesi FGD PPSA 2024





05

Elmina
Urban Park
3.18080° N, 101.51155° E

TINDAK PELAKSANA Pelanccongan



Pembangunan satu pelan tindakan pelancongan yang komprehensif amat diperlukan bagi merangka dan melaksanakan strategi jangka panjang dalam memperkukuh sektor pelancongan Shah Alam secara lebih teratur dan mampan.



i Aspek utama yang menjadi fokus bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

TERAS STRATEGIK

- 1** PEMBANGUNAN & PENAMBAHBAIKAN PRODUK PELANCONGAN
- 2** PENINGKATAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN PELANCONGAN
- 3** PENGEMBANGAN MODAL INSAN DAN LATIHAN PELANCONGAN
- 4** PENGLIBATAN & PEMBERDAYAAN KOMUNITI TEMPATAN
- 5** KESELAMATAN & PENGURUSAN RISIKO PELANCONGAN
- 6** INOVASI & TEKNOLOGI DALAM PELANCONGAN
- 7** PEMASARAN & PROMOSI DIGITAL BERSEPADU

PENJAJARAN

Misi > Teras Strategik > Pelan Tindakan

MAMPAN



TERAS STRATEGIK 1 PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN PRODUK PELANCONGAN

Pelan Tindakan:

1. Penjenamaan Pelancongan Shah Alam
2. Pemeraksanaan Aset Pelancongan secara Lestari
3. Pemeraksanaan Program Pelancongan

BERDAYA MAJU



TERAS STRATEGIK 2 PENINGKATAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN

Pelan Tindakan:

4. Naik Taraf Aksesibiliti dan Perhubungan ke Lokasi Pelancongan
5. Pembangunan dan Penambahbaikan Fasiliti serta Kemudahan Awam
6. Pemantapan Penyebaran Maklumat Pelancongan

M B S A



TERAS STRATEGIK 3 PENGEMBANGAN MODAL INSAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Pelan Tindakan:

7. Meningkatkan Kompetensi Tenaga Kerja Pelancongan
8. Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan
9. Mengukuhkan Kolaborasi Industri dan Latihan Industri Berkualiti
10. Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan

Penjajaran Misi → Teras Strategik → Pelan Tindakan penting kerana ia memastikan setiap tindakan dalam PTPSA 2026–2030 bergerak sehalu dengan hala tuju pembangunan pelancongan Shah Alam. Dengan struktur ini, semua inisiatif disusun secara tersusun, tidak *ad-hoc* dan benar-benar menyelesaikan isu yang dikenal pasti melalui kajian PPSA 2024.

SEJAHTERA



TERAS STRATEGIK 4 PENGLIBATAN DAN PEMBERDAYAAN KOMUNITI TEMPATAN

Pelan Tindakan:

- 11. Pemerksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan
- 12. Menggalakkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)

TERAS STRATEGIK 5 KESELAMATAN DAN PENGURUSAN RISIKO PELANCONGAN

Pelan Tindakan:

- 13. Memperksa Standard Keselamatan di Tapak Pelancongan
- 14. Memperkuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan
- 15. Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan

ADAPTIF



TERAS STRATEGIK 6 INOVASI DAN TEKNOLOGI DALAM PELANCONGAN


Pelan Tindakan:

- 16. Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam
- 17. Papan Pemuka Analitik Pelancongan Shah Alam

TERAS STRATEGIK 7 PEMASARAN DAN PROMOSI DIGITAL BERSEPADU

Pelan Tindakan:


- 18. Kempen Promosi Digital Pelancongan
- 19. Program Kandungan Pengguna (*User-Generated Content/UGC*)
- 20. Kerjasama Promosi dengan Pempengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan

 Langkah-langkah, strategi, tempoh masa dan tanggungjawab pelaksanaan bagi mencapai teras strategik.

20 PELAN TINDAKAN




**DIREKTORI
PELAN TINDAKAN
PELANCONGAN SHAH ALAM
2026-2030**



PT	Pelan Tindakan	IN	Inisiatif
TERAS STRATEGIK 1: PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN PRODUK PELANCONGAN			
1	Penjenamaan Pelancongan Shah Alam	1	Identiti Jenama Pelancongan Shah Alam
		2	Kempen Pengenalan dan Promosi Identiti Jenama
		3	Pemetaan Tarikan Berasaskan Identiti Jenama
2	Pemeriksaan Aset Pelancongan secara Lestari	4	Pemetaan Produk Pelancongan
		5	Pemuliharaan Tapak Pelancongan
		6	Penggunaan Sumber Mesra Alam melalui Kaedah Pemulihan Lestari
		7	Sistem Pencahayaan Solar
3	Pemeriksaan Program Pelancongan	8	Program "Pelancongan Mampan" Shah Alam
		9	Program Kebudayaan Kota Seni Shah Alam
		10	Program Segmen Pelancongan Shah Alam
TERAS STRATEGIK 2: PENINGKATAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN			
4	Naik Taraf Aksesibiliti dan Perhubungan ke Lokasi Pelancongan	11	Penambahbaikan Aksesibiliti ke Tapak Pelancongan
		12	Laluan Pejalan Kaki & Basikal Mesra Pengguna
		13	Integrasi Navigasi Pelancongan dalam Aplikasi
		14	Road Map Trail Pelancongan Shah Alam
5	Pembangunan dan Penambahbaikan Fasiliti serta Kemudahan Awam	15	Penambahbaikan Kemudahan Asas
		16	Penyediaan Kemudahan Mesra OKU dan Warga Emas
6	Pemantapan Penyebaran Maklumat Pelancongan	17	Pusat Maklumat Pelancongan Shah Alam (<i>Shah Alam Tourism Information Centre - SATIC</i>)
		18	Pembangunan Produk Interpretatif
		19	Kiosk Pelancongan Digital dan Fizikal
TERAS STRATEGIK 3: PENGEMBANGAN MODAL INSAN DAN LATIHAN PELANCONGAN			
7	Meningkatkan Kompetensi Tenaga Kerja Pelancongan	20	Meningkatkan Kompetensi Asas Tenaga Kerja Pelancongan
		21	Program Lawatan Industri (Benchmarking Visit)
		22	Kursus Pelancongan Mampan
8	Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan	23	Bengkel Pemasaran Digital dan Media Sosial untuk Pelancongan
		24	Kursus Pengurusan Tempahan dan Perkhidmatan Secara Digital
		25	Bengkel Pembangunan Kandungan Visual dan Kreatif Pelancongan
9	Mengukuhkan Kolaborasi Industri dan Latihan Industri Berkualiti	26	Program Kerjasama Industri-Akademik
		27	Program Penempatan Latihan Industri Shah Alam
10	Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan	28	Kecemerlangan Penyampaian Berteraskan Digitalisasi, Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan Berintegriti
		29	Pengiktirafan Pelancongan di Peringkat Nasional dan Antarabangsa
		30	Penggedan <i>Clean Tourist Site</i>
		31	Anugerah Kebersihan dan Keceriaan Komuniti Kejiranan
		32	Anugerah Kecemerlangan Modal Insan Pelancongan
		33	Pengiktirafan Tapak dan Produk Pelancongan Mampan (<i>Sustainable Tourism Award</i>)

PT	Pelan Tindakan	IN	Inisiatif
TERAS STRATEGIK 4: PENGLIBATAN DAN PEMBERDAYAAN KOMUNITI TEMPATAN			
11	Pemeriksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan	34	Membangunkan Komuniti Pelancongan Shah Alam
		35	Bengkel Kesedaran dan Peranan Komuniti dalam Pelancongan
		36	Program Inkubasi Usahawan Pelancongan Komuniti
12	Menganjurkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)	37	Festival Pelancongan Komuniti Shah Alam
		38	Program Agro-Pelancongan Komuniti
		39	Pasar Pelancongan Komuniti Shah Alam
TERAS STRATEGIK 5: KESELAMATAN DAN PENGURUSAN RISIKO PELANCONGAN			
13	Memperkasa Standard Keselamatan di Tapak Pelancongan	40	Program Pemantauan dan Audit Keselamatan Pelancongan
		41	Penyediaan Garis Panduan Keselamatan Pelancongan
		42	Penanda Lokasi Kesihatan dan Farmasi
14	Memperkukuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan	43	Penilaian Risiko Tahunan Pelancongan Shah Alam
		44	Latihan Pengurusan Krisis dan Keselamatan Pelancongan
		45	Latihan Keselamatan dan Bantuan Kecemasan (First Aid) kepada Operator Pelancongan
		46	Simulasi Kecemasan Pelancongan (<i>Emergency Drill</i>)
15	Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan	47	Operasi Keselamatan Bersepadu
		48	Penuhunan Pasukan Kebersihan dan Kesihatan Pelancongan
		49	Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV)
TERAS STRATEGIK 6: INOVASI DAN TEKNOLOGI DALAM PELANCONGAN			
16	Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam	50	Pembangunan Aplikasi Pelancongan Pintar Shah Alam
		51	Promosi Digital Aplikasi Pelancongan Shah Alam
		52	Kandungan Imersif Pelancongan Shah Alam (VR/AR)
		53	Pusat Pengalaman Digital Shah Alam
17	Papan Pemuka Analitik Pelancongan Shah Alam	54	Pembangunan <i>Dashboard</i> Data Pelancongan Shah Alam
		55	Laporan Analitik Pelancongan Shah Alam
TERAS STRATEGIK 7: PEMASARAN DAN PROMOSI DIGITAL BERSEPADU			
18	Kempen Promosi Digital Pelancongan	56	Hashtag (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam
		57	Kandungan Promosi Bertema Shah Alam
		58	Kolaborasi Platform Promosi Digital
19	Program Kandungan Pengguna (<i>User-Generated Content/UGC</i>)	59	Kempen Hashtag (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam
		60	Cabaran Media Sosial Shah Alam
		61	Insentif Kandungan Autentik Pelancong
		62	Analisis Prestasi Pemasaran Digital Pelancongan Shah Alam
20	Kerjasama Promosi dengan Pengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan	63	Pakej Shah Alam <i>Stopover</i>
		64	Kerjasama Promosi Syarikat Pengangkutan
		65	Program Duta Pelancongan Shah Alam

 Program, projek atau tindakan spesifik yang dilaksanakan untuk mencapai hasil dan impak yang diinginkan.

*Klik untuk akses terus kepada kandungan

IN - Inisiatif

65 INISIATIF

DIREKTORI

MISI



MAMPAN



PEMBANGUNAN DAN
PENAMBAHBAIKAN PRODUK
PELANCONGAN

1	2	3
1	4	8
2	5	9
3	6	10
	7	



BERDAYA MAJU



PENINGKATAN
INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN PELANCONGAN

4	5	6
11	15	17
12	16	18
13		19
14		



PENGEMBANGAN MODAL
INSAN DAN LATIHAN
INDUSTRI

7	8	9	10
20	23	26	28
21	24	27	29
22	25		30
			31
			32
			33

TS

PT

IN

VISUAL



SEJAHTERA

4

PENGLIBATAN & PEMBERDAYAAN KOMUNITI TEMPATAN

11

34

35

36

12

37

38

39

13

40

41

42

14

43

44

45

46

15

47

48

49

5

KESELAMATAN DAN PENGURUSAN RISIKO PELANCONGAN



ADAPTIF

6

INOVASI DAN TEKNOLOGI DALAM PELANCONGAN

16

50

51

52

53

17

54

55

18

56

57

58

19

59

60

61

62

7

PEMASARAN DAN PROMOSI DIGITAL BERSEPADU

20

63

64

65

Petunjuk: **TS** (Teras Strategik) | **PT** (Pelan Tindakan) | **IN** (Inisiatif)

TERAS STRATEGIK

1

PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN PRODUK PELANCONGAN

Memfokus kepada penjenamaan Shah Alam sebagai destinasi yang unik dan beridentiti melalui pembangunan, penambahbaikan serta kepelbagaian produk dan program pelancongan.

03 Pelan
Tindakan

10 Inisiatif

Pelan Tindakan

01

Penjenamaan Pelancongan Shah Alam

Menetapkan arah penjenamaan pelancongan Shah Alam yang jelas dan berstrategi bagi memperkukuh imej pelancongan bandar ini.

02

Pemeriksaan Aset Pelancongan secara Lestari

Menumpukan kepada usaha memelihara dan memulihara aset pelancongan Shah Alam secara lestari

03

Pemetaan Tarikan Berasaskan Identiti Jenama

Mempergiat pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan pelancongan bagi merancakkan industri serta memeriahkan suasana destinasi.

Inisiatif 01

Identiti Jenama Pelancongan Shah Alam

Melancarkan **identiti visual dan naratif jenama pelancongan Shah Alam** yang merangkumi logo, slogan, serta elemen grafik seragam bagi semua bahan promosi, bagi memastikan penyampaian imej destinasi yang konsisten dan berimpak.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan, Unit Komunikasi dan Korporat, ICT), TSSB & MOTAC Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan set identiti jenama (logo rasmi, slogan, dan panduan jenama)



Sasaran

Satu set identiti jenama pelancongan Shah Alam dilancarkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

01

Penjenamaan Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 02

Kempen Pengenalan dan Promosi Identiti Jenama Pelancongan Shah Alam

Melaksanakan kempen **promosi identiti jenama pelancongan Shah Alam** melalui pendekatan digital serta bukan digital bagi meningkatkan kesedaran, pengiktirafan dan keterlibatan awam terhadap identiti jenama pelancongan Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan, KORP Unit Komunikasi dan Korporat, ICT), TSSB, MOTAC Selangor, media & operator pelancongan.



Indikator Sasaran

Bilangan kempen digital dan bukan digital dilaksanakan



Sasaran

≥10 kempen digital, 5 kempen bukan digital setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

01

Penjenamaan Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 03

Pemetaan Tarikan Berasaskan Identiti Jenama

Melaksanakan **pemetaan dan penjenamaan tarikan pelancongan sedia ada agar selaras dengan identiti jenama pelancongan Shah Alam**, bagi mewujudkan kesinambungan imej dan pengalaman yang konsisten di seluruh destinasi.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan, KORP Unit Komunikasi dan Korporat, ICT), TSSB & MOTAC Selangor.



Indikator Sasaran

Senarai lokasi dan peta tarikan selaras dengan identiti jenama



Sasaran

≥10 kempen digital, 5 kempen bukan digital setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

01

Penjenamaan Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 04

Pemetaan Produk Pelancongan

Mengenal pasti dan mendokumentasikan **lokasi serta produk pelancongan berpotensi di Shah Alam mengikut tema-tema tertentu** bagi tujuan pembangunan, promosi dan penyusunan strategi pelancongan yang lebih berfokus.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, LAN,KEJ,JPB) & PLANMalaysia.



tourism
SELANGOR
PLANMalaysia



Indikator Sasaran

Senarai dan peta aset pelancongan lengkap



Sasaran

≥ 20 aset dipetakan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

01

Penjenamaan Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 05

Pemuliharaan Tapak Pelancongan

Melaksanakan **kerja-kerja pemuliharaan dan penambahbaikan secara berperingkat di tapak-tapak pelancongan ikonik Shah Alam** bagi meningkatkan kualiti kemudahan, memperindah persekitaran, serta memperkukuh daya tarikannya.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, LAN, PRG, KEJ),
UPEN & MOTAC.



Indikator Sasaran

Bilangan tapak dengan
pelan pemuliharaan aktif



Sasaran

≥ 10 tapak dipulihara



Tahun /
Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

01 Penjenamaan
Pelancongan
Shah Alam

Taman Botani Negara Shah Alam

3.09468°N 101.51047°E



Inisiatif 06

Penggunaan Sumber Mesra Alam melalui Kaedah Pemulihan Lestari

Menggalakkan **penggunaan bahan mampan, teknologi hijau dan reka bentuk lestari** dalam kerja-kerja pemulihan serta penambahbaikan aset pelancongan bagi meminimumkan kesan alam sekitar.



Jabatan / Agensi

MBSA (PRG, BGN, LAN, KAKS, JPB), UPEN, TSSB, JBS, MESTECC, JAS, GBI, PKNS & KPKT.



Indikator Sasaran

Bilangan projek guna pendekatan lestari



Sasaran

≥ 5 projek rintis dengan kaedah lestari



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

02

Pemeriksaan Aset Pelancongan secara Lestari

Inisiatif 07

Sistem Pencahayaan Solar

Memasang lampu **tenaga solar di lokasi tumpuan pelancongan** bagi mengurangkan penggunaan tenaga konvensional serta menyokong amalan pembangunan hijau dan lestari.



Jabatan / Agensi

MBSA (KEJ & JPB), TNB & PKNS.



Indikator Sasaran

Bilangan projek guna pendekatan lestari



Sasaran

≥ 5 projek rintis dengan kaedah lestari



Tahun / Tempoh

2026 2027 **2028** 2029 2030

Pelan Tindakan

02

Pemeriksaan Aset Pelancongan secara Lestari



Menara Jam Shah Alam

3.07440°N 101.51833°E

Inisiatif 08

Program "Pelancongan Mampan" Shah Alam

Melaksanakan **program tahunan** yang merangkumi seminar, pertandingan, pameran serta aktiviti memupuk kesedaran, penglibatan dan amalan **pelancongan mampan** dalam kalangan penduduk serta pelawat Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promos), TSSB, UPEN, MOTAC & JKNS.



Indikator Sasaran

Bilangan program



Sasaran

≥ 3 program setahun.



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

03

Pemeriksaan Program Pelancongan

Inisiatif 09


Program Kebudayaan Kota Seni Shah Alam

Penganjuran **acara yang merangkumi elemen hiburan, keagamaan, kenegaraan** dan seni kreatif bagi menonjolkan keunikan dan identiti Shah Alam sebagai kota seni yang menarik dan inklusif untuk pelbagai lapisan pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi), TSSB, UPEN, MOTAC & JKKN.



Indikator Sasaran

Bilangan program



Sasaran

≥ 8 program setahun.



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

03

Pemeriksaan Program Pelancongan

Inisiatif 10

Program Segmen Pelancongan Shah Alam

Penganjuran program pelancongan **bertema khusus seperti promosi destinasi, pelancongan kesihatan, acara sukan, sambutan festival, flea market, bazar pelancongan** serta kempen video pendek bagi menarik kedatangan pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi), TSSB, UPEN, MOTAC & JKKNS.



Indikator Sasaran

Bilangan program



Sasaran

≥ 6 program setahun.



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

03

Pemeriksaan Program Pelancongan

TERAS STRATEGIK

2

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN PELANCONGAN

Memperbaiki aksesibiliti, kemudahan pengangkutan, serta fasiliti pelancongan seperti pusat maklumat, penginapan dan kemudahan awam.

03 Pelan Tindakan

09 Inisiatif

Pelan Tindakan

04

Naik Taraf Aksesibiliti dan Perhubungan ke Lokasi Pelancongan

Menjamin keselesaan, keselamatan dan kemudahan pelancong melalui penambahbaikan sistem fizikal dan digital.

05

Pembangunan dan Penambahbaikan Fasiliti serta Kemudahan Awam

Menambah baik pengalaman pelancong melalui fasiliti awam yang mesra, selesa, inklusif dan berteknologi digital.

06

Pemantapan Penyebaran Maklumat Pelancongan

Memperkukuh penyebaran maklumat pelancongan secara berkesan bagi meningkatkan akses, kefahaman terhadap produk pelancongan.

Inisiatif 11

Penambahbaikan Aksesibiliti ke Tapak Pelancongan

Penganjuran program pelancongan **bertema khusus seperti promosi destinasi, pelancongan kesihatan, acara sukan, sambutan festival, flea market, bazar pelancongan** serta kempen video pendek bagi menarik kedatangan pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (KEJ, JPB, LAN, KAKS) & JKR.



Indikator Sasaran

Bilangan program



Sasaran

≥ 6 program setahun.



Tahun /
Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

04

Naik Taraf
Aksesibiliti &
Perhubungan ke
Lokasi Pelancongan

Inisiatif 12

Laluan Pejalan Kaki & Basikal Mesra Pengguna

Menyelenggara **laluan pejalan kaki dan penunggang basikal yang selamat dan selesa** di kawasan tarikan pelancongan, bagi menggalakkan mobiliti hijau dan pengalaman pelancongan mesra alam..



Jabatan / Agensi

MBSA (KEJ, JPB, LAN, KAKS) & JKR.



Indikator Sasaran

Bilangan lokasi pelancongan dengan laluan pejalan kaki dan basikal



Sasaran

≥ 5 lokasi pelancongan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

04

Naik Taraf Aksesibiliti & Perhubungan ke Lokasi Pelancongan

Inisiatif 13

Integrasi Navigasi Pelancongan dalam Aplikasi

Menyediakan **data lokasi dan laluan pelancongan dalam platform digital** seperti Google Maps, Waze serta aplikasi khas pelancongan Shah Alam bagi memudahkan pelawat merancang perjalanan mereka.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, PRG, KEJ, JPB, ICT) & PLANMalaysia.



PLANMalaysia



Indikator Sasaran

Lokasi tersenarai dalam aplikasi



Sasaran

≥ 10 lokasi pelancongan utama disenaraikan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

04

Naik Taraf Aksesibiliti & Perhubungan ke Lokasi Pelancongan

Inisiatif 14

Road Map Trail Pelancongan Shah Alam

Penyediaan **Shah Alam Road Map Trail secara kolaboratif bersama operator pelancongan tempatan** bagi memperkukuh jaringan tarikan dan pengalaman pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi).



Indikator Sasaran

Bilangan dokumen lengkap Road Map Trail Shah Alam



Sasaran

1 dokumen lengkap Road Map Trail Shah Alam



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028


2029

2030

Pelan Tindakan

04

Naik Taraf Aksesibiliti & Perhubungan ke Lokasi Pelancongan



Inisiatif 15

Penambahbaikan Kemudahan Asas

Menyediakan serta **menyelenggara kemudahan asas seperti tandas awam, surau dan perhentian bas** yang bersih dan selesa di lokasi tarikan pelancongan utama bagi meningkatkan tahap keselesaan pelawat



Jabatan / Agensi

MBSA (PRG, LAN, KEJ, KAKS, JPB) & operator pelancongan.



Operator Pelancongan



Indikator Sasaran

Jumlah kemudahan ditambah baik



Sasaran

Kemudahan asas di 10 lokasi tarikan pelancongan utama dinaik taraf / ditambah baik



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

05

Pembangunan & Penambahbaikan Fasiliti serta Kemudahan Awam

Inisiatif 16

Penyediaan Kemudahan Mesra Golongan Rentan

Menyediakan **kemudahan inklusif** seperti laluan landai, tempat letak kereta khas dan ruang mesra pengguna bagi memastikan keselesaan, keselamatan serta keterangkuman pelawat, khususnya **OKU, warga emas dan kanak-kanak** di lokasi tarikan pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PRG, LAN, KEJ, KAKS, JPB) & operator pelancongan.



Operator Pelancongan



Indikator Sasaran

Bilangan lokasi pelancongan mesra OKU/warga emas



Sasaran

10 lokasi tarikan pelancongan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

05

Pembangunan & Penambahbaikan Fasiliti serta Kemudahan Awam

Inisiatif 17

Pusat Maklumat Pelancongan Shah Alam (Shah Alam Tourism Information Centre – SATIC)

Menubuhkan **Pusat Maklumat Pelancongan Shah Alam sebagai pusat rujukan utama** bagi menyediakan maklumat, panduan dan promosi destinasi kepada pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi).



Indikator Sasaran

Bilangan pusat maklumat pelancongan



Sasaran

1 pusat maklumat pelancongan ditubuhkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

06

Pemantapan Penyebaran Maklumat Pelancongan

Inisiatif 18

Pembangunan Produk Interpretatif

Membangunkan **bahan interpretatif seperti papan maklumat, panduan digital dan aplikasi interaktif** di lokasi pelancongan bagi meningkatkan pengetahuan serta kefahaman pelawat terhadap tapak pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KEJ, LAN, KORP & ICT).



Indikator Sasaran

Bilangan tapak yang dilengkapi produk interpretatif



Sasaran

2 lokasi pelancongan setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

06

Pemantapan
Penyebaran
Maklumat
Pelancongan

Inisiatif 19

Kiosk Pelancongan Digital dan Fizikal

Menyediakan **kiosk pelancongan yang dilengkapi paparan maklumat digital, bahan promosi bercetak dan capaian interaktif** bagi memudahkan pelancong mendapatkan maklumat pelancongan Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, ICT) & TSSB.



Indikator Sasaran

Bilangan kiosk pelancongan dipasang



Sasaran

3 kiosk di lokasi tumpuan pelancong



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

06

Pemantapan
Penyebaran
Maklumat
Pelancongan

TERAS STRATEGIK

3

PENGEMBANGAN MODAL INSAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan profesionalisme tenaga kerja pelancongan melalui program latihan dan pembangunan kapasiti.

04 Pelan
Tindakan

14 Inisiatif

Pelan Tindakan

07

Meningkatkan Kompetensi Tenaga Kerja Pelancongan
Memperkasa kapasiti dan kemahiran tenaga kerja pelancongan di Shah Alam melalui latihan teknikal, pengurusan, etika serta pendedahan industri.

08

Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan
Memantapkan keupayaan digital dalam kalangan pemain industri pelancongan melalui latihan teknikal, pemasaran digital dan pembangunan kandungan kreatif.

09

Mengukuhkan Kolaborasi Industri dan Latihan Industri Berkualiti
Memperkukuh hubungan antara institusi akademik dan industri pelancongan melalui program kolaborasi, penempatan latihan dan peluang pekerjaan.

10

Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan
Memperkukuh tadbir urus pelancongan yang cekap, telus dan berintegriti melalui pengiktirafan serta pensijilan piawaian kualiti selaras dengan standard antarabangsa.



Inisiatif 20

Meningkatkan Kompetensi Asas Tenaga Kerja Pelancongan

Menjalankan **kursus kemahiran asas meliputi perkhidmatan pelanggan, pengendalian pelawat dan komunikasi** bagi memperkukuh kecekapan serta profesionalisme tenaga kerja pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & JKP).



Indikator Sasaran

Bilangan program latihan



Sasaran

≥ 2 program latihan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

07

Meningkatkan Kompetensi Tenaga Kerja Pelancongan

Inisiatif 21

Program Lawatan Industri (*Benchmarking Visit*)

Menganjurkan **lawatan kerja ke destinasi rujukan** bagi mempelajari pengalaman serta mengadaptasi amalan terbaik dalam pengurusan dan pembangunan pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, Jab. terlibat dan JKP).



Indikator Sasaran

Bilangan lawatan dilaksanakan



Sasaran

≥1 lawatan industri setahun



Tahun /
Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

07

Meningkatkan
Kompetensi
Tenaga Kerja
Pelancongan

Inisiatif 22

Kursus Pelancongan Mampan

Melaksanakan **latihan kepada pekerja, pengusaha pelancongan, komuniti dan pelajar** mengenai prinsip serta amalan pelancongan mampan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, Jab terlibat), operator pelancongan, sektor penginapan & agensi terlibat.



Operator Pelancongan



Sektor Penginapan



Indikator Sasaran

Bilangan kursus



Sasaran

≥ 1 kursus dijalankan setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

07

Meningkatkan Kompetensi Tenaga Kerja Pelancongan

Inisiatif 23

Bengkel Pemasaran Digital dan Media Sosial untuk Pelancongan

Memberi **latihan kepada pekerja dan operator pelancongan mengenai strategi pemasaran** dalam talian, pengurusan platform media sosial dan pelaksanaan kempen digital pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM. ICT) agensi media & operator pelancongan.



Operator Pelancongan



Agensi Media



Indikator Sasaran

Bilangan bengkel



Sasaran

≥1 bengkel setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

08

Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan

Inisiatif 24

Kursus Pengurusan Tempahan dan Perkhidmatan Secara Digital

Memberi **latihan kepada pengusaha pelancongan** dalam penggunaan sistem tempahan digital, platform e-dagang serta pengurusan pelanggan **secara dalam talian**.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM,ICT) & sektor penginapan.



Sektor Penginapan



Indikator Sasaran

Bilangan kursus



Sasaran

≥1 kursus setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

08

Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan

Inisiatif 25

Bengkel Pembangunan Kandungan Visual dan Kreatif Pelancongan

Memberi **latihan asas dalam fotografi, videografi dan penyuntingan kandungan pelancongan** bagi tujuan promosi digital yang lebih menarik, profesional dan berimpak tinggi



Jabatan / Agensi

MBSA (ICT & PKOM).



Indikator Sasaran

Bilangan bengkel



Sasaran

≥1 bengkel setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

08

Memperkasa Kemahiran Digital dan Teknologi Pelancongan



Management & Science University (MSU)

3.07818°N 101.55288°E



Universiti Teknologi MARA (UiTM)

3.07474°N 101.50437°E





Inisiatif 26

Program Kerjasama Industri-Akademik

Menjalinkan **kolaborasi antara institusi pendidikan dan industri pelancongan** bagi pemindahan ilmu, penyelidikan bersama, dan pembangunan modul latihan relevan dengan keperluan semasa.



Jabatan / Agensi

MBSA, IPTA & IPTS.



IPTA/S



Indikator Sasaran

Bilangan MoU/MoA dimeterai



Sasaran

≥ 2 kerjasama strategik setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

09

Menguukuhkan Kolaborasi Industri dan Latihan Industri Berkualiti

Inisiatif 27

Program Penempatan Latihan Industri Shah Alam

Menyediakan **maklumat dan peluang latihan industri berkualiti di syarikat pelancongan sekitar Shah Alam** bagi pelajar institusi pengajian tinggi.



Jabatan / Agensi

MBSA, IPTA, IPTS, ILP & syarikat pelancongan tempatan.



Syarikat Pelancongan Tempatan



Indikator Sasaran

Bilangan direktori penempatan latihan industri



Sasaran

1 direktori disediakan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

09

Menguukuhkan Kolaborasi Industri dan Latihan Industri Berkualiti



Inisiatif 28

Kecemerlangan Penyampaian Berteraskan Digitalisasi, Tadbir Urus Cekap, Berkesan & Berintegriti

Mendapatkan **pensijilan mengikut *standard* baharu** bagi memastikan tadbir urus pelancongan dilaksanakan secara lebih sistematik, selamat dan berkualiti.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan & Promosi).



Indikator Sasaran

Bilangan pensijilan



Sasaran

≥1 pensijilan ISO/SOP mengikut standard baharu



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan

Inisiatif 29

Pengiktirafan Pelancongan di Peringkat Nasional dan Antarabangsa

Menggalakkan **pengiktirafan projek pelancongan Shah Alam di peringkat nasional dan antarabangsa** bagi meningkatkan reputasi dan kredibiliti destinasi.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi).



Indikator Sasaran

Bilangan penyertaan



Sasaran

≥ 1 penyertaan setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan

I-City Park - WaterWorld

3.06507°N 101.48589°E



Inisiatif 30

Penggredan *Clean Tourist Site*

Melaksanakan **pensijilan bagi lokasi pelancongan yang memenuhi piawaian** kebersihan, pengurusan alam sekitar dan keindahan fizikal melalui sistem penggredan yang diiktiraf.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KAKS & KES), TSSB & MOTAC.



Indikator Sasaran

Jumlah lokasi yang digredkan



Sasaran

≥ 10 tapak pelancongan digredkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028


2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan
Kecemerlangan
Tadbir Urus
Pelancongan



Inisiatif 31

Anugerah Kebersihan dan Keceriaan Komuniti Kejiranan *Clean Tourist Site*

Memberi **pengiktirafan kepada komuniti kejiranan yang komited** mengekalkan kebersihan dan keceriaan di kawasan masing-masing.



Jabatan / Agensi

MBSA (Unit Pelancongan dan Promosi, LAN & JKAK).



Indikator Sasaran

Bilangan penerima anugerah



Sasaran

≥ 5 komuniti menerima anugerah



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan
Kecemerlangan
Tadbir Urus
Pelancongan

Inisiatif 32

Anugerah Kecemerlangan Modal Insan Pelancongan

Memberi **pengiktirafan tahunan kepada individu dan organisasi pelancongan yang menunjukkan prestasi cemerlang** dalam memperkukuh pembangunan industri pelancongan Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (Unit Pelancongan dan Promosi & JKAK) & syarikat pelancongan tempatan.



Syarikat Pelancongan Tempatan



Indikator Sasaran

Jumlah penerima anugerah



Sasaran

≥ 5 individu/organisasi setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan Kecemerlangan Tadbir Urus Pelancongan

Inisiatif 33

Pengiktirafan Tapak dan Produk
Pelancongan Mampan (*Sustainable Tourism Award*)

Mewujudkan **anugerah tahunan** bagi mengiktiraf **pengusaha atau komuniti yang menunjukkan komitmen, inovasi dan amalan terbaik** dalam pelaksanaan pelancongan mampan di Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (Unit Pelancongan dan Promosi, LSN, KES & JKAK).



Indikator Sasaran

Bilangan penerima anugerah



Sasaran

≥ 3 penerima anugerah setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

10

Pengiktirafan
Kecemerlangan
Tadbir Urus
Pelancongan

TERAS STRATEGIK

4

PENGLIBATAN DAN PEMBERDAYAAN KOMUNITI TEMPATAN

Memastikan komuniti tempatan terlibat aktif dalam pembangunan pelancongan dan menikmati manfaat ekonomi secara inklusif.

02 Pelan
Tindakan

06 Inisiatif



Pelan Tindakan

11

Pemeriksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan

Memperkasa peranan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan melalui latihan kesedaran, peningkatan kemahiran dan keusahawanan pelancongan.



12

Menggalakkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)

Menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti pelancongan melalui pembangunan produk tempatan, agro-pelancongan dan penganjuran festival.

Inisiatif 34

Membangunkan Komuniti Pelancongan Shah Alam

Mengenal pasti serta **membangunkan komuniti berpotensi untuk terlibat secara aktif** dalam aktiviti dan program pelancongan setempat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM,LSN, PRCG, LAN), Taman Botani, Kraf Malaysia, INSKEN & Pej. Pembangunan Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan program latihan



Sasaran

≥ 2 program latihan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

11

Pemeriksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan

Inisiatif 35

Bengkel Kesedaran dan Peranan Komuniti dalam Pelancongan

Memberi pendedahan kepada **komuniti tentang potensi**, tanggungjawab serta manfaat penglibatan aktif dalam sektor pelancongan setempat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, LSN) & MPP.



Indikator Sasaran

Jumlah bengkel



Sasaran

≥ 1 bengkel setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

11

Pemeriksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan



Inisiatif 36

Program Inkubasi Usahawan Pelancongan Komuniti

Menyediakan **latihan dan bimbingan kepada komuniti** bagi membangunkan produk atau perkhidmatan pelancongan secara berstruktur dan berdaya saing.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, LSN) MPP & TSSB.



Indikator Sasaran

Bilangan usahawan dilahirkan



Sasaran

≥ 10 usahawan komuniti pelancongan menjelang 2030



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

11

Pemeriksaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan

Inisiatif 37

Festival Pelancongan Komuniti Shah Alam

Menganjurkan **acara tahunan yang melibatkan penyertaan komuniti** bagi mempamerkan produk pelancongan, seni, budaya, makanan tempatan dan aktiviti setempat.



Jabatan / Agensi

MBSA, TSSB, JKKN & MOTAC.



Indikator Sasaran

Bilangan festival



Sasaran

≥ 1 festival setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

12

Menggalakkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)



Inisiatif 38


Program Agro-Pelancongan Komuniti

Membangunkan **aktiviti pelancongan berasaskan pertanian bandar, kebun komuniti dan produk tani** sebagai tarikan baharu yang mempromosikan kelestarian serta penyertaan komuniti setempat.



Jabatan / Agensi

MBSA, Jabatan Pertanian, Taman Botani & MPP.



Indikator Sasaran

Jumlah lokasi agro-pelancongan



Sasaran

≥ 5 lokasi agro-pelancongan aktif menjelang 2030



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

12

Menggalakkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)



Inisiatif 39

Pasar Pelancongan Komuniti Shah Alam

Menubuhkan **pasar komuniti pelancongan yang mempamerkan dan menjual produk tempatan** seperti makanan, kraftangan serta hasil kampung bandar sebagai tarikan kepada pelancong dan platform ekonomi komuniti.



Jabatan / Agensi

MBSA & PADAT



Indikator Sasaran

Jumlah pasar diwujudkan



Sasaran

≥ 1 pasar pelancongan komuniti tetap



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

12

Menggalakkan Aktiviti Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)

TERAS STRATEGIK

5

KESELAMATAN DAN PENGURUSAN RISIKO PELANCONGAN

Meningkatkan tahap keselamatan pelancong melalui pelaksanaan standard keselamatan, latihan berterusan dan sistem pengurusan krisis yang berkesan.

03 Pelan Tindakan

10 Inisiatif

Pelan Tindakan

13

Memperkasa Standard Keselamatan di Tapak Pelancongan

Meningkatkan tahap keselamatan pelancong di Shah Alam melalui pemantauan dan pembangunan garis panduan keselamatan.

14

Memperkukuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan

Meningkatkan kesiapsiagaan operator pelancongan dan komuniti setempat dalam menghadapi situasi kecemasan.

15

Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan

Memastikan destinasi pelancongan di Shah Alam lebih selamat, responsif dan bersedia menghadapi sebarang kecemasan

Inisiatif 40

Program Pemantauan dan Audit Keselamatan Pelancongan

Melaksanakan **pemantauan berkala serta audit keselamatan di tapak-tapak pelancongan utama** bagi memastikan keselamatan, kesediaan dan kesejahteraan pelawat sentiasa terjamin.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi) & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan tapak diaudit



Sasaran

≥ 5 lokasi diaudit setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

13 Memperkasa *Standard* Keselamatan di Tapak Pelancongan

Inisiatif 41

Penyediaan Garis Panduan Keselamatan Pelancongan

Merangka dan mengedarkan **garis panduan keselamatan pelancongan yang komprehensif** sebagai rujukan kepada pengusaha dan komuniti bagi memastikan pengurusan keselamatan destinasi yang lebih sistematik dan berkesan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi) & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor.



Indikator Sasaran

Garis panduan dilancarkan dan digunakan



Sasaran

1 garis panduan lengkap diedarkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

13

Memperkasa Standard Keselamatan di Tapak Pelancongan



Inisiatif 42

Penanda Lokasi Kesihatan dan Farmasi

Menyediakan **direktori digital mengenai lokasi pusat kesihatan, klinik dan farmasi terdekat** bagi memudahkan pelancong mendapatkan bantuan perubatan dengan cepat dan mudah.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi).



Indikator Sasaran

Jumlah direktori



Sasaran

1 direktori digital disediakan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

13

Memperkasa *Standard* Keselamatan di Tapak Pelancongan



Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

3.08386°N 101.51505°E



Inisiatif 43

Penilaian Risiko Tahunan Pelancongan Shah Alam

Melaksanakan **audit dan penilaian risiko keselamatan destinasi pelancongan Shah Alam secara tahunan** bagi mengenal pasti potensi ancaman serta memperkukuh langkah pencegahan dan kesiapsiagaan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi).



Indikator Sasaran

Jumlah laporan penilaian risiko disediakan



Sasaran

1 laporan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

14

Memperkukuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan

Inisiatif 44

Latihan Pengurusan Krisis dan Keselamatan Pelancongan

Memberi **latihan kepada pengurus dan pengusaha pelancongan serta komuniti setempat** mengenai prosedur tindakan semasa berlakunya krisis atau insiden keselamatan bagi memastikan tindak balas yang pantas, teratur dan berkesan



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, PKUASA Unit PANTAS, JKP) NADMA & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan latihan



Sasaran

≥ 1 latihan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

14

Memperkukuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan



Inisiatif 45

Latihan Keselamatan dan Bantuan Kecemasan (First Aid) kepada Operator Pelancongan

Menyediakan **kursus asas keselamatan dan latihan pertolongan cemas kepada pengendali pelancongan serta pekerja barisan hadapan** bagi meningkatkan kecekapan tindak balas dalam situasi kecemasan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, PKUASA Unit PANTAS, JKP) NADMA & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan latihan



Sasaran

≥ 1 latihan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

14

Memperkuh Pengurusan Risiko dan Latihan Kecemasan

Inisiatif 46

Simulasi Kecemasan Pelancongan (Emergency Drill)

Melaksanakan **latihan simulasi kecemasan secara berkala, termasuk situasi seperti kebakaran, banjir dan insiden di lokasi pelancongan**, bagi memastikan tahap kesiapsiagaan dan koordinasi tindak balas yang berkesan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM, PKUASA Unit PANTAS, JKP) NADMA & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor.



Indikator Sasaran

Bilangan simulasi dilaksanakan



Sasaran

≥ 2 simulasi setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028


2029

2030

Pelan Tindakan

14

Memperkuh
Pengurusan
Risiko dan Latihan
Kecemasan





Inisiatif 47

Operasi Keselamatan Bersepadu

Melaksanakan **rondaan dan pemantauan keselamatan secara berkala** melalui kerjasama antara BOMBA, PDRM, RELA dan MBSA bagi memastikan tapak-tapak pelancongan berada dalam keadaan selamat dan terkawal.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi), Tourism Selangor & Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan Selangor



Indikator Sasaran

Kekerapan operasi keselamatan



Sasaran

≥ 4 operasi / zon setiap tahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028


2029

2030

Pelan Tindakan

15

Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan



Inisiatif 48

Penubuhan Pasukan Kebersihan dan Kesihatan Pelancongan

Menubuhkan **pasukan khusus yang bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan** kebersihan di lokasi pelancongan secara berkala bagi memastikan persekitaran yang selamat, sihat dan menyenangkan kepada pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, LSN, KES & KAKS).



Indikator Sasaran

Bilangan pasukan ditubuhkan



Sasaran

1 pasukan khas ditubuhkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

15

Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan



Inisiatif 49

Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Memasang **sistem CCTV di kawasan pelancongan berisiko tinggi** bagi meningkatkan pemantauan, pencegahan jenayah dan keselamatan pelawat.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM & ICT).



Indikator Sasaran

Bilangan lokasi pelancongan dilengkapi CCTV



Sasaran

10 lokasi pelancongan dilengkapi CCTV menjelang 2030



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

15

Peningkatan Keselamatan, Kesihatan dan Keamanan Tapak Pelancongan

TERAS STRATEGIK

6

INOVASI DAN TEKNOLOGI DALAM PELANCONGAN

Memanfaatkan teknologi pintar, analitik data dan realiti maya untuk meningkatkan daya tarikan serta pengalaman pelancongan Shah Alam secara moden dan interaktif.

02 Pelan
Tindakan

06 Inisiatif



Pelan Tindakan

16

Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam

Membangunkan aplikasi pelancongan Shah Alam berasaskan AR dan VR untuk paparan interaktif masa nyata.

17

Papan Pemuka Analitik Pelancongan Shah Alam

Membangunkan sistem data bersepadu untuk analisis pelancongan masa nyata bagi menyokong keputusan berasaskan data selaras indikator dan takrifan MOTAC.

Inisiatif 50

Pembangunan Aplikasi Pelancongan Pintar Shah Alam

Membangunkan dan melancarkan **aplikasi pelancongan pintar yang menyampaikan maklumat destinasi, aktiviti, dan perkhidmatan pelancongan** di Shah Alam secara interaktif dan mesra pengguna.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & ICT).



Indikator Sasaran

Jumlah aplikasi pelancongan



Sasaran

1 aplikasi khas pelancongan dilancarkan & tersedia di App Store / Play Store



Tahun / Tempoh

2026 2027 **2028** 2029 2030

Pelan Tindakan

16 Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 51

Pembangunan Aplikasi Pelancongan Pintar Shah Alam

Memperluas **penggunaan aplikasi pelancongan pintar melalui promosi digital** seperti kod QR di lokasi tumpuan, kempen media sosial, risalah pelancongan, dan kerjasama dengan ejen pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & KORP), Tourism Selangor & syarikat pelancongan tempatan.



Syarikat Pelancongan Tempatan



Indikator Sasaran

Jumlah muat turun aplikasi



Sasaran

≥ 2,000 muat turun setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

16

Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 52

Kandungan Imersif Pelancongan Shah Alam (VR/AR)

Memperluas **penggunaan aplikasi pelancongan pintar melalui promosi digital** seperti kod QR di lokasi tumpuan, kempen media sosial, risalah pelancongan, dan kerjasama dengan ejen pelancongan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & ICT) & penyedia teknologi (vendor XR).



Indikator Sasaran

Bilangan kandungan berasaskan realiti maya (VR) dan realiti terimbuh (AR)



Sasaran

≥ 2 kandungan digital imersif setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

16

Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam

Inisiatif 53

Pusat Pengalaman Digital Shah Alam

Membangunkan **kandungan pelancongan berasaskan VR dan AR untuk memaparkan tarikan Shah Alam** secara interaktif dan imersif, memperkayakan pengalaman pelawat secara digital.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & ICT) & syarikat teknologi tempatan.



Indikator Sasaran

Status operasi pusat pengalaman digital



Sasaran

1 pusat pengalaman digital beroperasi sepenuhnya



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

16

Aplikasi dan Pengalaman Digital Pelancongan Shah Alam



Inisiatif 54

Pembangunan *Dashboard* Data Pelancongan Shah Alam

Membangunkan **papan pemuka (*dashboard*) data pelancongan yang memaparkan maklumat masa nyata** secara visual, interaktif dan responsif bagi menyokong pemantauan serta analisis prestasi destinasi secara berterusan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & ICT).



Indikator Sasaran

Status operasi sistem papan pemuka (*dashboard*)



Sasaran

1 sistem papan pemuka (*dashboard*) beroperasi



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

17

Papan Pemuka Analitik Pelancongan Shah Alam



Inisiatif 55

Laporan Analitik Pelancongan Shah Alam

Menyediakan **laporan analitik berkala yang memaparkan data pelawat, corak lawatan dan lokasi tumpuan utama** bagi memantau prestasi serta perancangan strategik pelancongan Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi & ICT), agensi & syarikat pelancongan tempatan.



Syarikat Pelancongan Tempatan



Indikator Sasaran

Status operasi sistem papan pemuka (*dashboard*)



Sasaran

1 sistem papan pemuka (*dashboard*) beroperasi



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

17

Papan Pemuka Analitik Pelancongan Shah Alam

TERAS STRATEGIK



PEMASARAN DAN PROMOSI DIGITAL BERSEPADU

Mengukuhkan keterlihatan Shah Alam melalui platform digital, media sosial, dan kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa.

03 Pelan
Tindakan

10 Inisiatif

Pelan Tindakan

18

Kempen Promosi Digital Pelancongan

Pelaksanaan Kempen Promosi Digital Pelancongan secara bersepadu melalui media sosial, laman web, dan platform digital lain.

19

Program Kandungan Pengguna (User-Generated Content/UGC)

Menggalakkan pelancong dan komuniti berkongsi pengalaman mereka di Shah Alam melalui media sosial

20

Kerjasama Promosi dengan Pempengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan

Menjalin kerjasama dengan pempengaruh dan agensi pelancongan untuk perluas pasaran serta promosi pakej khas.



Inisiatif 56

Hashtag (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam

Memperkenalkan **hashtag** rasmi pelancongan Shah Alam untuk digunakan di platform digital seperti Facebook, Instagram, TikTok, YouTube dan laman sesawang MBSA.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KORP & ICT).



Indikator Sasaran

Bilangan hashtag (#) rasmi pelancongan



Sasaran

1 hashtag (#) rasmi pelancongan diperkenalkan



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

18

Kempen Promosi Digital Pelancongan



Inisiatif 57

Kandungan Promosi Bertema Shah Alam

Menyediakan **kandungan promosi pelancongan mengikut tema** seperti pelancongan keluarga, kulineri, budaya, rekreasi dan eko-pelancongan bagi menarik minat pelbagai segmen pelancong.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit
Pelancongan dan Promosi,
KORP & ICT).



Indikator Sasaran

Bilangan kandungan promosi bertema yang dihasilkan dan diterbitkan (video, grafik, artikel, TikTok, IG, FB, dsb)



Sasaran

≥ 50 kandungan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

18

Kempen Promosi Digital Pelancongan



Inisiatif 58

Kolaborasi Platform Promosi Digital

Bekerjasama dengan platform pelancongan digital seperti Klook, Traveloka dan Shopee Travel untuk memperluas capaian promosi serta menarik lebih ramai pelancong melalui saluran dalam talian.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KORP & ICT) & agensi pelancongan digital.



Indikator Sasaran

Bilangan kempen promosi bersama dilaksanakan



Sasaran

1 kempen setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028


2029

2030

Pelan Tindakan

18

Kempen Promosi Digital Pelancongan





Inisiatif 59

Kempen *Hashtag* (#) Rasmi Pelancongan Shah Alam

Menganjurkan **kempen penggunaan hashtag rasmi pelancongan Shah Alam** bagi menggalakkan pelancong berkongsi pengalaman mereka di media sosial, sekali gus memperluas capaian promosi dan penjenamaan.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit
Pelancongan dan Promosi,
KORP & ICT) & agensi kreatif
digital.



Indikator Sasaran

Jumlah kandungan UGC



Sasaran

≥ 1,000 kandungan UGC
setahun di pelbagai
platform digital



Tahun /
Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

19

Program
Kandungan
Pengguna (*User-
Generated Content*)



Inisiatif 60

Cabaran Media Sosial Shah Alam

Menganjurkan **pertandingan foto dan video di TikTok serta Instagram** yang menampilkan keunikan tarikan dan pengalaman pelancongan Shah Alam secara kreatif dan menarik.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KORP & ICT) & agensi kreatif digital.



Indikator Sasaran

Bilangan penyertaan yang menggunakan hashtag rasmi



Sasaran

≥ 240 penyertaan setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

19

Program Kandungan Pengguna (*User-Generated Content*)



Inisiatif 61

Insentif Kandungan Autentik Pelancong

Memberikan **ganjaran atau pengiktirafan kepada pelancong yang berkongsi kandungan asli dan berkualiti tinggi** mengenai pengalaman mereka di Shah Alam sebagai galakan kepada promosi destinasi.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KORP & ICT) & agensi kreatif digital.



Indikator Sasaran

Jumlah kandungan pelancongan yang layak (diberi insentif) untuk promosi rasmi



Sasaran

60 kandungan pelancong digunakan semula setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

19

Program Kandungan Pengguna (*User-Generated Content*)



Inisiatif 62

Analisis Prestasi Pemasaran Digital Pelancongan Shah Alam

Menyediakan **laporan analitik digital untuk menilai keberkesanan kempen media sosial** berdasarkan data pengguna bagi menambah baik strategi promosi pelancongan Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi, KORP & ICT) & agensi kreatif digital.



Indikator Sasaran

Jumlah laporan analitik kempen media sosial



Sasaran

1 laporan analitik kempen media sosial



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

19

Program Kandungan Pengguna (*User-Generated Content*)


Central i-City

3.06267°N 101.48176°E



Taman Tema i-City

3.06489°N 101.48277°E





Inisiatif 63

Pakej Shah Alam *Stopover*

Menawarkan **pakej persinggahan singkat kepada pelancong melalui kerjasama dengan syarikat pelancongan**, merangkumi lawatan ringkas ke tarikan utama Shah Alam.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi) & agensi pelancongan swasta.



Indikator Sasaran

Bilangan pakej dilancarkan



Sasaran

≥ 3 pakej khas dilancar



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

20

Kerjasama Promosi dengan Pempengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan



Inisiatif 64

Kerjasama Promosi Syarikat Pengangkutan

Menjalankan **kempen promosi pelancongan bersama syarikat penerbangan dan pengangkutan** seperti AirAsia, Batik Air, Malaysia Airlines, KTMB, perkhidmatan pelayaran, dan Grab.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi) & syarikat pengangkutan darat dan laut.



Indikator Sasaran

Bilangan kolaborasi syarikat penerbangan



Sasaran

≥ 3 kolaborasi



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

20

Kerjasama Promosi dengan Pengengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan



Inisiatif 65

Program Duta Pelancongan Shah Alam

Melatih individu sebagai duta pelancongan bandar yang berperanan menyampaikan maklumat, membantu pelawat serta mempromosikan imej positif Shah Alam sebagai destinasi mesra pelancong.



Jabatan / Agensi

MBSA (PKOM Unit Pelancongan dan Promosi) & mempengaruhi.



Indikator Sasaran

Bilangan duta dilantik & dilatih



Sasaran

1 duta aktif setahun



Tahun / Tempoh

2026

2027

2028

2029

2030

Pelan Tindakan

20

Kerjasama Promosi dengan Pempengaruh, Syarikat Pengangkutan dan Agensi Pelancongan



PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pendahuluan

Pelaksanaan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030 memerlukan kerjasama erat antara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai peneraju utama bersama barisan pemegang taruh pelancongan bandar raya. Pelan tindakan ini dibangunkan berdasarkan data kajian PPSA 2024 yang menekankan keperluan penyelarasan dasar, pembangunan produk, infrastruktur, penglibatan komuniti dan transformasi digital. Atas dasar itu, MBSA memainkan peranan sebagai penyelar, pelaksana dan pengawal selia utama manakala pemegang taruh bertindak sebagai pelaksana sokongan, rakan strategik serta penyumbang data dan maklum balas kepada keseluruhan ekosistem pelancongan Shah Alam.

Pelaksanaan

MBSA melalui Unit Pelancongan dan Promosi (PKOM) menjadi peneraju utama yang menyelar kesemua 20 pelan tindakan dan 65 inisiatif di bawah tujuh teras strategik PTPSA 26–30. Setiap inisiatif dilaksanakan melalui gabungan peranan jabatan-jabatan di MBSA yang bertanggungjawab terhadap infrastruktur, fasiliti, promosi, keselamatan serta digitalisasi pelancongan. Antara pelaksanaan utama ialah pembangunan identiti jenama pelancongan Shah Alam, pemetaan aset pelancongan, penambahbaikan laluan dan kemudahan awam, penyediaan pusat maklumat pelancongan (SATIC), pembinaan aplikasi pelancongan pintar, pembangunan program komuniti serta peningkatan latihan dan kompetensi industri. Dalam masa yang sama, pemegang taruh seperti industri hotel, pengusaha tarikan pelancongan, agensi pelancongan, komuniti dan institusi akademik turut memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan program. Industri melaksanakan pakej pelancongan, program pemasaran, latihan industri dan program promosi bersama. Komuniti pula menyertai aktiviti CBT, acara dan festival tempatan, agro-pelancongan, manakala institusi akademik seperti UiTM, UOW dan MSU menyumbang kepakaran penyelidikan, latihan, pembangunan modal insan dan sokongan data untuk pelaksanaan dasar.

Pemantauan

Sistem pemantauan berstruktur perlu diwujudkan melalui pembangunan platform analitik atau dokumen pemantauan sistematik yang menghimpunkan data pelawat, sentimen pelancong, keberkesanan kempen digital, tahap penyelenggaraan dan prestasi keseluruhan program pelancongan. Pemantauan ini disokong dengan audit berkala di lokasi-lokasi pelancongan seperti taman, laluan pejalan kaki, tarikan ikonik dan kemudahan awam bagi memastikan kualiti persekitaran dan keselamatan pelawat sentiasa berada pada tahap optimum. Pemegang taruh turut memainkan peranan penting dalam proses ini melalui penyediaan data berkala; industri hotel dan pengusaha pelancongan menyumbang maklumat kadar penginapan, jumlah pelawat, prestasi pasaran dan maklum balas pelanggan, manakala komuniti tempatan melaporkan status program komuniti, aktiviti pelancongan berasaskan komuniti (CBT) dan isu tempatan berkaitan pelancongan. Institusi akademik pula menyokong proses pemantauan melalui kajian lapangan, soal selidik pelawat, analisis media sosial dan laporan berkala bagi memastikan penilaian dilakukan berasaskan bukti (evidence-based).

Penilaian

MBSA perlu menilai pencapaian KPI setiap inisiatif melalui laporan progres KPI yang disediakan secara dwi tahunan bagi memantau kemajuan dan merancang tindakan penambahbaikan dengan lebih awal. Penilaian tahunan juga wajar dilaksanakan untuk menilai pencapaian keseluruhan KPI, dengan menetapkan satu benchmark prestasi sebagai sasaran utama. Laporan tahunan ini merangkumi keberhasilan KPI, pertumbuhan pelawat, impak ekonomi, kualiti infrastruktur, penglibatan komuniti serta prestasi digital Shah Alam di platform utama. Hasil penilaian menjadi asas kepada penetapan keutamaan baharu, penambahbaikan inisiatif dan penyusunan semula strategi mengikut keperluan semasa. Jika diperlukan, sesi townhall bersama pemegang taruh boleh diadakan bagi membincangkan isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan secara kolektif.



RISIKO DAN CABARAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

Dalaman

Risiko dan Cabaran Dalaman

Kekangan Kewangan dan Bajet



Pelaksanaan pelan tindakan memerlukan peruntukan yang konsisten untuk pembangunan infrastruktur, promosi, program komuniti, teknologi dan penyelenggaraan. Namun, bajet MBSA perlu diagihkan kepada pelbagai sektor lain, menjadikan pelancongan bukan sentiasa keutamaan utama. Kekangan ini boleh menyebabkan kelewatan projek, pengurangan skop inisiatif atau kesukaran mengekalkan program jangka panjang.

Pengurusan Projek yang Tidak Seragam



Pelan tindakan melibatkan banyak jabatan MBSA dan agensi sokongan. Tanpa prosedur kerja yang seragam, penyelarasan yang lemah boleh berlaku, termasuk pertindihan tugas, garis masa projek yang tidak selaras, jurang komunikasi, dan kesukaran memastikan semua pihak bergerak mengikut piawaian yang sama. Ini boleh mengakibatkan projek berjalan perlahan dan hasil tidak mencapai objektif asal.

Kekangan Sumber Manusia dan Keupayaan Organisasi



Jumlah staf yang terhad, kekurangan kepakaran khusus dalam pelancongan, pemasaran digital, data analitik serta beban kerja sedia ada boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan. Tanpa latihan, pemerksaan, dan pengkhususan tugas yang jelas, keupayaan organisasi untuk mengurus, memantau dan menilai pelan tindakan secara menyeluruh akan terbatas.

Luaran

Risiko dan Cabaran Luaran

Kerjasama Pihak Luar yang Tidak Konsisten




Pelaksanaan pelan tindakan sangat bergantung kepada kolaborasi bersama industri pelancongan, komuniti, agensi negeri/persekutuan dan institusi akademik. Namun tahap komitmen pihak luar sering berubah-ubah disebabkan kekangan masa, sumber, keutamaan perniagaan atau perubahan dasar. Ketidakterseragaman kerjasama ini boleh menjejaskan kelancaran program, keberkesanan promosi dan kesukaran mengumpul data serta maklum balas yang diperlukan.

Persaingan Destinasi Bandar Berdekatan



Shah Alam bersaing secara langsung dengan destinasi berhampiran seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Subang Jaya dan Klang yang mempunyai tarikan dan produk pelancongan yang pelbagai. Persaingan ini boleh menenggelamkan imej Shah Alam sebagai destinasi pelancongan, terutama jika penjenamaan dan produk tidak dipertingkatkan. Tanpa keunikan yang jelas, Shah Alam berisiko hanya menjadi bandar transit, bukan destinasi pilihan.

RUMUSAN



Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam (PTPSA) 2026-2030 ini merupakan komitmen menyeluruh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam memacu pembangunan pelancongan bandar yang lebih mampan, berdaya saing dan berimpak tinggi. Melalui rangka kerja strategik yang merangkumi 7 teras utama, 20 pelan tindakan dan 65 inisiatif, dokumen ini disusun secara sistematik bagi memastikan hala tuju pembangunan pelancongan Shah Alam lebih jelas, dinamik serta responsif terhadap keperluan semasa industri.

Penyediaan pelan ini telah melalui proses yang teliti dan terstruktur, merangkumi mesyuarat penyelarasan, bengkel teknikal, sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh serta semakan bersama jabatan-jabatan berkaitan. Proses ini bagi memastikan kandungan PTPSA 26-30 dirangka secara inklusif berdasarkan bukti, analisis industri semasa serta keperluan strategik bandaraya Shah Alam.

PTPSA 26-30 bukan hanya dokumen perancangan, tetapi merupakan satu manifestasi visi bersama untuk menjadikan Shah Alam sebagai destinasi pelancongan bandar unggul bertaraf dunia, berteraskan teknologi pintar, kemampanan, kehijauan, keselamatan dan kesejahteraan komuniti. Dengan penekanan terhadap pembangunan produk, infrastruktur, inovasi digital, pemberdayaan modal insan serta penglibatan komuniti tempatan, pelan ini diyakini dapat memperkukuh ekosistem pelancongan Shah Alam secara holistik.

Sebagai dokumen rujukan utama MBSA, **PTPSA 26 -30** akan menjadi landasan penting bagi memperkasakan ekosistem pelancongan Shah Alam. Dengan pelaksanaan yang sistematik serta pemantauan berterusan, pelan ini diyakini dapat memacu pertumbuhan pelancongan bandar yang berdaya tahan, inklusif dan bernilai tinggi kepada komuniti serta ekonomi setempat.


Dokumen ini menegaskan komitmen MBSA untuk terus memperkukuh kecemerlangan perkhidmatan pelancongan. Semoga pelan tindakan ini menjadi pemangkin utama ke arah menjadikan Shah Alam sebagai sebuah bandar pelancongan yang lestari, berdaya maju dan membanggakan di pentas nasional dan antarabangsa

PENGHARGAAN

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Bandar Shah Alam atas kepimpinan dan sokongan padu dalam pembangunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026–2030. Ucapan terima kasih turut disampaikan kepada pasukan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas kepakaran, dedikasi dan sumbangan ilmiah sepanjang proses penyediaan pelan ini, serta kepada seluruh warga kerja MBSA, khususnya Jabatan Pembangunan Komuniti, dan Ahli-Ahli Majlis MBSA atas komitmen, pandangan dan kerjasama yang diberikan.

MBSA juga menghargai sumbangan semua pemegang taruh pelancongan Shah Alam, termasuk agensi kerajaan, GLC, NGO, industri pelancongan, komuniti setempat dan rakan akademik yang terlibat dalam sesi FGD, libat urus serta penyediaan data. Tidak dilupakan, penghargaan disampaikan kepada setiap individu dan organisasi yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pelan tindakan ini.

Bersama kita memperkukuh pembangunan pelancongan bandar raya Shah Alam secara mampan, inklusif dan berdaya saing.



Cataloguing-in-Publication Data
Perpustakaan Negara Malaysia
A catalogue record for this book is available
from the National Library of Malaysia
eISBN 978-983-2187-16-5

Sampel

Shah Alam

20²⁶₃₀

PELAN TINDAKAN PELANCONGAN